

Naskhah belum semak

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6

Iasnin

2 April 2018

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018

(Halaman 35)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

Iasnin, 2 April 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail** minta Menteri Pertahanan menyatakan, inisiatif kerajaan bawah *blueprint* agenda pendidikan hala tuju Kementerian Pertahanan 2018-2022 bagi menjaga kebijakan warga ATM dalam bidang pendidikan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia sentiasa menjadikan agenda pendidikan sebagai salah satu agenda utama kepada anggota-anggota ATM, veteran ATM dan warga Awam Kementerian Pertahanan yang pelaksanaannya diperluaskan kepada anak-anak anggota ATM.

Agenda pendidikan dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan dan ATM melalui teras *task force*. Agenda pendidikan di bawah teras kebijakan iaitu salah satu daripada enam hala tuju Kementerian Pertahanan Malaysia. *Blueprint* Agenda Pendidikan Kementerian Pertahanan 2018 sehingga 2022 telah dilancarkan pada 11 Januari 2008 oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Melalui *blueprint* ini, Tuan Yang di-Pertua, ia mempunyai empat pendekatan iaitu pendekatan yang pertama ialah meningkatkan pembangunan infra-pendidikan sekolah-sekolah dalam kem ATM yang melibatkan kolaborasi N-BOS bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Program-program yang dilaksanakan ialah yang pertama, pembangunan 38 buah sekolah dalam kem angkatan tentera yang terdiri daripada 33 buah sekolah rendah, 4 buah sekolah menengah serta sebuah MRSM dengan jumlah pelajar adalah seramai 17,984 orang pelajar.

ATM juga telah membelanjakan RM5.6 juta untuk menyelenggarakan sekolah-sekolah yang tersebut bagi tahun 2016 hingga 2017. Kerjasama strategik di antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengiktiraf sembilan buah sekolah dalam kem Angkatan Tentera sebagai sekolah cemerlang dalam jangka masa lima tahun bermula pada tahun 2018 ini.

Ketiga, meningkatkan tahap pencapaian internet melalui jalinan kerjasama dengan KKMM dalam membangunkan kemudahan berkenaan di sekolah-sekolah dalam kem ATM dan menjadikan Sekolah Kem Terendak dan Sekolah Pangkalan TLDM Lumut sebagai sekolah berprestasi dan cemerlang. Ini bertujuan untuk memberikan *feeder school* kepada Universiti Pertahanan Malaysia dan universiti-universiti awam yang lain.

Pendekatan yang kedua ialah memperkasakan institusi pendidikan ATM yang sedia ada ke konsep yang lebih unggul berdasarkan kepada konsep N-BOS bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, KKMM dan KKLW yang pernah menjadikan Maktab Tentera Diraja Malaysia (MTD) sebagai sebuah sekolah berprestasi dan cemerlang dalam bidang sukan dan akademik. Ini dapat meningkatkan pembangunan infra-ICT dan senggaraan MRSM Terendak.

Pendekatan yang ketiga ialah inisiatif kebijakan pendidikan Kementerian Pertahanan. Pendekatan ini melibatkan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan, KKMM dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui kemudahan seperti berikut, yang pertama, *Online Tuition*. Program ini telah dilaksanakan untuk memberikan kemudahan pembelajaran atas talian kepada semua anak-anak anggota ATM yang menduduki peperiksaan.

Kedua, Program Motivasi melalui Jalinan kerjasama ATM dan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) yang melibatkan 65 program di empat puluh buah lokasi.

Ketiga, menyediakan perkhidmatan feri kepada semua anak-anak ATM. Dahulunya mereka menaiki truk, sekarang ini naik bas berhawa dingin ke sekolah-sekolah dalam kem. Namun demikian, masih ada lagi yang menggunakan truk kerana kita tidak mempunyai bas yang mencukupi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah banyak membantu. Baru-baru ini di Negeri Sembilan, kerajaan Negeri Sembilan telah memberikan bas oleh Kerajaan Negeri untuk membawa anak-anak kita ke sekolah-sekolah yang terlibat.

Keempat, menyediakan perkhidmatan taska di dalam kem dengan memberikan perkhidmatan jagaan kepada anak-anak warga ATM. Program ini telah bermula dengan penubuhan taska ATM di Desa Tun Hussein Onn, kem Kementerian Pertahanan.

Kelima, menyediakan Skim Bantuan Persekolahan kepada anak-anak warga ATM, Veteran ATM dan anggota Kementerian Pertahanan.

■1010

Keenam, mewujudkan pusat akses perkasa atau Pusat Internet 1Malaysia di kem-kem ATM untuk beri perkhidmatan internet secara percuma kepada warga ATM.

Ketujuh, meningkatkan makmal ICT di sekolah-sekolah dalam kem ATM. dan kelapan mewujudkan tabung pendidikan Kementerian Pertahanan melalui jalinan kerjasama dengan industri pertahanan. Jadi syarikat-syarikat seperti Boustead, dan lain-lain lagi, mereka ada menyediakan biasiswa dan sebagainya untuk membantu anak-anak.

Akhir sekali, pendekatan keempat ialah pengiktirafan dan penghargaan modal insan yang melibatkan kolaborasi bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Inisiatif-inisiatif di bawah pendekatan ini adalah seperti berikut:

- (i) kerjasama dengan industri Pertahanan untuk menaja biasiswa bagi anak-anak ATM yang cemerlang bertujuan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dalam negeri dan di luar negara;
- (ii) meningkatkan konsep pendidikan anggota tentera melalui Program APEL bagi memberi peluang kepada warga ARM meningkatkan tahap akademik dan membantu anggota ATM bagi melayakkan diri mereka untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti awam;
- (iii) pemberian dermasiswa kepada anak-anak warga ATM; dan
- (iv) menyediakan kemudahan perkhidmatan kesihatan di rumah sakit tentera kepada semua guru-guru yang bertugas dalam kem. Jadi guru-guru kakitangan Jabatan Pendidikan yang mana bertugas dalam kem kita akan bagi juga, memberi kemudahan kepada mereka untuk mendapat rawatan di hospital ATM.

Tuan Yang di-Pertua, adalah di harapkan agar semua usaha dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian khususnya bagi membantu anak-anak anggota dan veteran ATM dari segi aspek pendidikan akan dapat meningkatkan pencapaian prestasi pendidikan di sekolah-sekolah di dalam yang melibatkan anak-anak anggota ATM dan penjawat awam di Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Ada soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ada tiga soalan tambahan tetapi ringkas.

Kita semua tahu tentang Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang mana inilah universiti yang ditubuhkan untuk anak-anak anggota dan mereka-mereka yang minat soal pada ketenteraan dan sebagainya. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Menteri, yang pertamanya adakah kuota ataupun jumlah kemasukan pelajar-pelajar ini akan diperingkatkan daripada yang sedia ada kerana kalau kita tengok sekarang ada jurusan-jurusan itu di bawah 500 pelajar.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi kemasukan-kemasukan mereka dan adakah anak-anak tentera akan diberikan keutamaan untuk masuk ke universiti ini?

Ketiga, budaya buli di dalam Universiti Pertahanan ini, saya agak terkejut pagi ini bila saya baca satu laporan *Malaysian Digest*. Memetik kenyataan sumber yang juga bekas pensyarah UPNM sebagai berkata budaya *ragging* dalam kalangan tentera telah diwarisi sejak zaman era British lagi dan diamalkan sehingga hari ini. Mereka juga memetik bahawa berlakunya budaya liwat di dalam Universiti Pertahanan ini.

Jadi apa tindakan kementerian dalam menangani isu ini? Ini kerana saya tahu minggu lepas kita dilaporkan ada seorang lagi mangsa yang turut juga dikatakan dibuli dan meninggal dunia akibat dibuli dalam Universiti Pertahanan Malaysia ini. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, berkenaan dengan UPNM, memang khusus-khusus kita terhad kerana kita hendak mewujudkan pelajar-pelajar yang terpilih. Kita tidak mahu kuantiti, kita hendak kualiti, kita lihat sudah sampai masa Malaysia mesti melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang terutama sekali dalam industri pertahanan, kita hendak mencontohi Turki.

Turki adalah sebuah Islam yang mempunyai teknologi terhebat yang boleh bersaing dengan negara-negara lain. Mereka boleh menyediakan, membina kapal perang mereka sendiri, senjata mereka sendiri, jadi kita hendak satu hari nanti Malaysia pun begitu. Jadi sebab itu di sini kita hanya memilih mereka yang betul-betul mempunyai kemahiran dan juga mempunyai minat dalam bidang itu. Oleh sebab itu, setakat ini kita masih melihat perkara ini secara serius, kita hendak supaya Malaysia satu hari nanti, kita boleh membuat senjata kita sendiri, untuk kita berperang dengan orang lain kita mesti ada senjata kita sendiri. Kalau kita mengharapkan kepada orang lain itulah jadi kepada negara-negara Islam.

Kedua ialah berkenaan dengan *ragging*, kita sentiasa mengambil berat dalam soalan *ragging* ini. Kita pun sudah bagi arahan kepada pihak-pihak yang terlibat terutama sekali di kita punya Royal Military College pun, atau MTD. Sekarang ini kita menitikberatkan tentang disiplin termasuklah pelajar-pelajar dan guru-guru sekali untuk melihat perkara-perkara ini tidak berlaku. Benda ini berlaku, tidak dapat dinafikan, ini *isolated cases* di mana-mana pun ada tetapi dari segi Kementerian Pertahanan kita sentiasa mengambil berat tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, apakah peluang yang diberikan kepada kementerian kepada pegawai dan anggota ATM bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat, tadi saya ada sebut panjang lebar tetapi sebenarnya sekarang ini memang kita menggalakkan melalui program-program yang ada. Sekarang ini kita ada pegawai-pegawai kita diantar berkursus di *Staff Collage* dalam Malaysia dan di luar negara dan begitu juga program-program yang dilaksanakan oleh UPNM.

Jadi banyak daripada pegawai-pegawai, yang saya hendak sebut di sini memang panjanglah. Banyak program-program dan kita *aware about this* dan kita hendak supaya anggota kita, tentera kita

mempunyai pendidikan yang tinggi kerana sekarang ini peperangan tidak lagi melalui macam konvensional dulu sekarang ini melalui sosial media, melalui *cyber war* dan sebagainya macam-macam. Jadi sebab itu kita mesti mempunyai anggota tentera yang terlatih yang mempunyai pengetahuan yang luas di dalam teknologi sekarang ini. Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Ariffin. Silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pernah bertugas di UPNM sebagai pensyarah tidak begitu lama dahulu dan ada satu perkara yang saya hendak timbulkan di sini. Kalau kita hendak menentukan UPNM ini dapat mencapai taraf yang tinggi setanding dengan yang turun *Duntroon or Military Collage* di Australia ataupun dengan *Sandhurst*, yang penting kita mesti tentukan bahawa ahli akademik di UPNM itu terdiri daripada orang yang berwibawa dan berkemampuan. Apa yang saya nampak pada masa itu banyak daripada pensyarah yang di bawa masuk itu, walaupun mereka mempunyai kepakaran sebagai pegawai tentera tetapi dari segi akademik ada banyak kelemahan, tidak sampai ke tahap yang memuaskan untuk menjadi pensyarah yang berwibawa.

Maka oleh sebab itu, ada banyak kes plagiat, tiruan, pemalsuan *research* yang didapati di UPNM, ini saya pernah saksikan. Baru-baru ini ada seorang pelajar dapat ijazah tetapi ijazah itu diperoleh melalui *plagiarism* dan ini sedang dipertikaikan. Maka apakah tindakan yang dapat dan akan diambil untuk menentukan keadaan seperti ini tidak akan berterusan? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat bila Yang Berhormat jadi *lecturer* sana? Tahun bila?

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Sehingga 2012.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Akan tetapi saya hendak maklum balik Yang Berhormat, sekarang sudah banyak perubahan. Memang tidak dapat dinafikan anggota tentera kita dan pegawai-pegawai kita tidak mempunyai ilmu yang cukup sebenarnya tetapi walaupun begitu, mereka telah layak untuk menjadi pensyarah. Namun demikian, ilmu ini Yang Berhormat, kita sedia tahu Yang Berhormat ilmu ini dituntut sampai ke liang lahad, mana ada orang yang lengkap? Tidak ada, maknanya pensyarah-pensyarah ini.

■1020

Sebab itu kita beri galakkan kepada pensyarah-pensyarah kita untuk terus belajar. Mereka diberi peluang untuk melanjutkan bidang pendidikan mereka sehingga mereka dapat PhD. Ramai sudah sekarang ini anggota tentera kita yang menjadi pensyarah di UPNM. Sekarang ini sudah mempunyai Ijazah sampai PhD. dan sebagainya.

Mereka didekahkan dalam kursus-kursus seminar di peringkat antarabangsa, yang melibatkan universiti antarabangsa dan universiti kita. Jadi- *from time to time, as I tell you*, kan. Macam dia-penambahbaikan itu sentiasa ada dan kita memang menitikberatkan soal kualiti, sebab itu Yang Berhormat

tadi tanya tentang jumlah pelajar dan sebaginya. Kita hadkan, supaya kita hendak cari yang *the best* dan yang hendak kita boleh buat di situ.

Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah, sekiranya ada perkara-perkara tertuduh berkenaan dengan penipuan ini, saya rasa banyak, bukan kata universiti UPNM sahaja, merata-rata. Yang pakai PhD. pun ada, yang tidak PhD. pun mengaku PhD., banyak. Itu bukan kata di universiti itu, mana-mana sahaja. Bukan UPMM sahaja, so terima kasih Yang Berhormat di atas kepekaan Yang Berhormat. Jadi saya sentiasa mendengar atau boleh menulis saya kalau sekiranya ada maklumat-maklumat Yang Berhormat ingin sampaikan kepada saya, boleh tulis *direct* dengan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri-menteri ini jangan tanya soalanlah, jawab soalan... *[Dewan ketawa]*. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

2. Datuk Dr. Lucas Umbul: Minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah kementerian dalam memastikan bekalan makanan negara mencukupi dalam memastikan negara tidak bergantung terus dengan bekalan makanan import dari luar negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua terutama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas di atas soalan yang dikemukakan yang saya kira cukup penting dalam dunia pertanian kita. Saya kira izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk menghuraikan soalan ini untuk dilihat kepada dua perspektif.

Perspektif yang pertama ialah tentang soal tahap sara diri kita, ini kerana soalan ini bertanya apakah kita cukup makan dan sejauh mana kita bergantung pada import. Jadi sudah tentu banyak orang bertanya tahap sara diri kita ataupun *self-sufficiency level*. Keduanya kita mesti melihat daripada perspektif keseluruhan mengenai *security* makanan kita ataupun jaminan keselamatan makanan kita.

Sudah tentu kalau kita lihat tahap sara diri kita, *self-sufficiency level* kita, kita mengukur seberapa banyak makanan yang dikeluarkan dalam konteks berapa banyak yang diperlukan oleh rakyat kita. Misalnya, kita menghasilkan beras mengikut data tahun 2016, tahun 2017 masih lagi diproses. Kita mengeluarkan 70 peratus daripada apa yang diperlukan oleh rakyat kita. Ertinya, kita kurang 30 peratus. Akan tetapi ada beberapa produk lain, itu dari segi karbohidrat, misalnya protein yang penting ayam. Kita keluarkan ayam 103 peratus, telur ayam 117 peratus, ikan kita 95 peratus. Akan tetapi ada yang sangat kurang, misalnya daging kita iaitu sekitar 23 peratus, itu kurang. Jadi jika kita lihat daripada perspektif tahap sara diri kita, kalau tanya saya, saya tidak puas hati. Ada banyak bidang-bidang yang tertentu perlukan dipertingkatkan lagi dari segi keluarannya.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi perspektif *food security* ataupun sekuriti makanan kita, kita berada di tahap yang boleh kita banggakan. Misalnya di kalangan negara-negara ASEAN misalnya, kedudukan Malaysia kedua selepas negara Singapura. Negara Singapura berada ranking keempat dalam negara-negara ASEAN, kita ranking 41. Akan tetapi ada negara yang dilihat pengeluar makanan yang banyak sehingga mereka boleh eksport, misalnya negara Thailand, rankingnya

ialah 55, lebih rendah dari kita. Bahkan negara pengeksport beras terbesar dunia iaitu negara India, ranking dia ke-74, ertiannya tidak bermakna kita mengeluarkan makanan yang banyak sehingga kita boleh mengeksport makanan kita, maka dari segi perspektif jaminan makanannya adalah lebih baik.

Oleh sebab dalam masyarakat antarabangsa, misalnya apa yang dikaji oleh *Economist Intelligence Unit* yang membuat ranking *world food security index*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mereka melihat sesebuah negara itu dianggap terjamin keselamatan makanannya itu daripada perspektif yang berbeza. Iaitu yang pertama dari segi makanan ada, tetapi apakah rakyatnya mampu untuk mendapatkan makanan, ertiannya *affordability*.

Kedua makanan ada, tetapi apakah ianya makanan itu *available*, makanan itu diperoleh di semua tempat dalam negara yang berkenaan. Kalau ada, tetapi ada tempat yang susah dapat, ada tempat yang mudah tetapi ada yang susah, itu pun dikira. Ketiga perspektif yang penting ialah dari segi *food safety* makanan itu selamat dimakan tidak ada keracunan, tidak ada bahan yang tidak baik dan sebagainya.

Oleh sebab itu dari segi perspektif ini misalnya negara Singapura berada di ranking yang tinggi kerana walaupun dia tidak mengeluarkan makanan, dia tidak ada beras, dia tidak ternak ayam, dia tidak ternak daging dan sebagainya, rankingnya tinggi kerana apa pun yang sampai dalam negara mereka, dianggap rakyatnya mampu dan apa pun yang sampai di sana, di mana-mana di Singapura boleh diperolehi- *available*. Sudah tentu kalau dilihat kini, Malaysia hendak dibandingkan dengan Singapura adalah perbandingan yang kurang adil kerana Singapura adalah *city state* di mana sampai di *port*, misalnya di *port* mana-mana di Jurong kah, di Kallang dan di tempat-tempat situ dia boleh sebarkan di negara tersebut dengan mudah. Barang yang sampai di *Port Klang* perlu hantar kepada Kapit, hantar ke Sabah dan sebagainya, kita mempunyai tanggungjawab yang lebih besar.

Maka dilihat juga dalam perspektif dari segi infrastruktur yang ada dalam negara tersebut, pelabuhannya, lebuh rayanya, kereta apa dan sebagainya. Sebab itu negara kita rankingnya jauh daripada negara Singapura kerana perbandingan yang dianggap tidak adil. Akan tetapi dalam pada itu pun dianggap lebih baik daripada negara Thailand yang orang kata dari segi kemampuan, teknologi pertaniannya, berasnya yang banyak dan sebaginya kerana secara puratanya rakyatnya, rakyat Malaysia lebih mampu untuk membeli makanan dan di mana-mana makanan itu ada dalam negara kita.

Oleh sebab itu kita katakan bahawa, melihat dari segi perspektif makanan dalam negara kita, kita mesti lihat dalam dua perspektif. Satunya tahap sara diri kita, tetapi dalam konteks yang lebih besar lagi Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi jaminan ataupun sekuriti makanan kita. Saya percaya di sini bahawa kedudukan kita adalah kedudukan yang baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu amat komprehensif sekali. Soalan tambahan saya yang pertama, apakah mekanisme yang ada di dalam kementerian bagi menyediakan pelan kecemasan sekiranya berlaku kekurangan makanan dalam negara kita sebagai contoh apabila tibanya musim

perayaan, keadaan cuaca tidak menentu, berlakunya bencana alam secara tiba-tiba. Sebagai contoh berlakunya banjir, kemarau. Apakah langkah persediaan kementerian?

Keduanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan dasar jaminan bekalan negara dan agromakanan yang dilancarkan pada tahun 2008? Adakah dasar ini akan terus diperkasakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi atas soalan yang dikemukakan membayangkan *concern* ataupun kecaknaan Datuk Yang Berhormat Senator mengenai keselamatan kita dan keperluan makanan kita.

Pertamanya dari segi kesediaan kita kalau berhadapan dengan bencana dan keadaan yang tidak menentu. Sehingga sekarang walaupun kita diancam dengan pelbagai ancaman, kita dilihat memiliki kemampuan yang baik.

■1030

Kita mempunyai beberapa dasar misalnya, kita ada skim stok penimbang di mana kita memastikan sejumlah antara 120,000 hingga 150,000 metrik tan beras yang sentiasa ada dalam stok penimbang kita. Itu yang pertama.

Kedua, kita mempunyai kerjasama dengan negara-negara jiran di bawah perjanjian, di bawa ASEAN. Sekiranya, terdapat kekurangan antara kita, kita boleh segera untuk mendapatkan bekalan daripada negara-negara jiran. Ini adalah merupakan perjanjian bersama dengan negara-negara yang berkenaan.

Ketiga, kalau kita lihat dalam sejarah misalnya yang pernah berlaku tahun 2008. 2008, adalah merupakan ujian yang terpaksa dihadapi oleh negara dan pelbagai negara yang lain kerana pada waktu itu terdapatnya masalah kenaikan harga makanan dunia pada waktu tersebut yang melambung. Misalnya, kalau kita katakan sekarang ini harga beras dunia ialah sekitar USD340 per metrik tan. Selalunya dianggap biasa antara USD340, USD350 hingga USD400 per metrik tan.

Pernah satu ketika tahun 2008, melambung naik sehingga USD1,000 dan pada waktu itu berlaku keadaan panik di kalangan negara-negara yang mengimport beras. Misalnya, Philippines pada waktu itu telah menekan *panic button*-nya dan ada beberapa negara dikatakan mereka menghentikan jualan beras mereka pada waktu itu. Itu adalah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara kita pada waktu tersebut kerana kalau kita ingat tahun 2008 ialah tahun di mana harga minyak dunia naik melambung pada waktu tersebut. Sekarang, kita cakap sekitar USD50. Pada waktu tersebut, harga minyak melambung sehingga lebih pada *USD100 per barrel* pada waktu tersebut.

Harga minyak dunia naik ada kaitan dengan harga makanan. Oleh sebab, harga minyak dunia naik menyebabkan kos baja naik, kos pengangkutan naik dan ada kemungkinan berapa negara yang mengeluarkan makanan tanaman yang bertujuan untuk makanan tetapi digunakan makanan tersebut untuk tujuan menghasilkan bahan api. Misalnya, jagung dijadikan untuk *methanol*, *biofuel* dan sebagainya. Ini

menyebabkan kekurangan bahan yang ditanam bagi tujuan makanan tetapi digunakan untuk tujuan bahan api pada waktu tersebut. Ini menyebabkan harga makanan dunia naik keseluruhannya. Pengalaman itu menyebabkan kita lebih berhati-hati misalnya kita sentiasa melihat berapa banyak kah trend harga minyak dunia dengan berapa banyak kah stok penimbal yang perlu kita tumpung pada waktu tersebut. Pernah pada satu ketika stok penimbal kita, kita simpan lebih pada 200,000 metrik tan.

Kedua, tahun tersebut juga mendidik kita untuk membuka lebih banyak jelapang-jelapang padi di bawah IADA termasuk kita memperkenalkan EPP 10, EPP11. Misalnya, mempertingkatkan *efficiency* tanah yang kita ada. Misalnya melalui bagaimana skim penanam padi yang selalunya dibuat secara individu kepada cara estet, misalnya. Supaya ia lebih efisien dan hasil keluaran lebih baik. Di samping kita tambah beberapa kawasan-kawasan jelapang baharu termasuk di Sabah dan Sarawak. Itu kita lihat daripada perspektif sekiranya keadaan yang memerlukan lagi penambahan dari segi pengeluaran kita dalam soal beras.

Akan tetapi, sudah tentu perlu saya beritahu bahawa penambahan dari segi beras hanyalah satu perspektif dari segi jaminan makanan kita. Hal ini kerana beras hanyalah keperluan karbohidrat, sedangkan badan kita bukan sahaja berkarbohidrat yang diperlukan. Kita juga perlukan protein. Misalnya, kita mencari jalan untuk ternakan ayam yang baik tetapi daripada kajian yang kita lihat bahawa ternak ayam ini satu perspektif daripada keseluruhan rantaian nilai dalam menghasilkan protein kita. Hal ini kerana kita- ayam itu perlu makan dan makanan ayam itu, sebelum ini kita tidak melihatnya sebagai satu elemen yang penting. Oleh sebab itu, ayam memerlukan dua komponen dalam makanannya iaitu kacang soya dan juga jagung. Jagungnya bukan jagung manis yang selalu kita makan tetapi dia panggil jagung bijian- *grain corn*. Jagung yang keras tetapi dia proses dengan soya *bean* untuk makanan ayam.

Masalahnya hampir 100 peratus daripada kacang soya dan jagung bijian ini kita import. Banyaknya dari Brazil dan Argentina yang paling banyak sekali. Oleh sebab itu dalam Dasar Agro Makanan Negara kita yang disebutkan tadi, kita mesti melihat bagaimana memulakan tanaman tanam baharu iaitu jagung bijian. Mungkin kacang soya belum lagi ada kemampuan pada masa sekarang.

Oleh sebab itu, kalau Yang Berhormat Senator melihat kempen tanam jagung sudah kita mulakan. Sekarang ini kita telah melalui berbagai-bagai proses percubaan, rintisan kita kerana perspektif sebelum ini mengatakan Malaysia tidak sesuai untuk tanam jagung. Hal ini kerana cuaca kita lembap dan sebagainya. Rintisan kita sudah mula kira-kira lebih pada 700 hektar kawasan di beberapa tempat di seluruh negara menunjukkan bahawa jagung boleh ditanam di Malaysia. Di samping kita melihat negara jiran kita bahawa negara seperti Indonesia, tanam jagung secara besar-besaran. Negara seperti Thailand juga tanam jagung. Negara seperti Philippines juga tanam jagung. Ke peringkat hampir-hampir mencukupi bagi negaranya.

Oleh sebab itu, penggunaan tanah kita mesti dilihat segera kerana untuk mencukupi tanam jagung kita perlukan sebanyak 400,000 hektar tanah. Kalau hendak cukup untuk tanam. Sedangkan kawasan

MADA pun cuma sekadar 120,000 hektar. Bayangkan lebih besar pada itu. Hal ini kerana kita import kira-kira tiga juta metrik tan setahun. Untuk penuhi keperluan jagung, mahukan tanah seluas 400,000 hektar.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, untuk Dasar Agro Makanan kita yang akan datang, kita mesti melihat perspektif ini. Mungkin tidak boleh kita tanam jagung sehingga kita dapat menampung 100 peratus keperluan makanan ternakan kita. Akan tetapi, meningkatkannya kepada 30 peratus hingga 40 peratus kita kira akan dapat mengurangkan dari segi import kita, kebergantungan kita pada makanan ternakan itu. Hal ini kerana untuk mencukupi keluaran daging kita ataupun makanan ayam kita, makanan lembu kita ialah perspektif yang besar ialah makanan kepada lembu dan makanan kepada ayam itu. Itu antara masa depan pada Dasar Agro Makanan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: [Ketawa]

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti jawapan Yang Berhormat dan saya yakin Kementerian Pertanian dan Asas Tani dapat mengadakan sesuatu dan saya melihat kepada angka yang diberikan oleh World Bank, Yang Berhormat Menteri. Katanya pada tahun 2050, manusia pada tahap sembilan bilion pada kita itu dan dengan keadaan *climate* dan sebagainya makanan akan menjadi pendek *shortage of food* sebanyak 25 percent. Makna kita dah kena *top up another 50 percent to cover the 25 percent*, dengan izin.

Kalau kita melihat jawapan yang Yang Berhormat tadi menceritakan bahagian jagung, beras dan sebagainya tetapi *shortage of food* ini Yang Berhormat Menteri kita dapat tahu bahawa ia datang daripada, contohnya *carbon emission, deforestation, climate change* dan ini melibatkan kementerian-kementerian yang bukan di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat. Apakah sudah ada kementerian sudah pun membuat kajian bersama dengan kementerian-kementerian lain untuk hendak mengatasi masalah yang akan datang ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang juga datang dari kawasan jelapang padi yang saya percaya ini merupakan suatu kecaknaan yang menyeluruh. Ini kerana isu alam sekitar adalah merupakan isu bersama. Di mana akhirnya asas yang diperlukan ialah makanan pada rakyat negara kita. Satu lagi perkara di samping disebut *climate change*, penggunaan tanah- satu lagi menjadi cabaran pada kita ialah urbanisasi di mana satunya orang lebih banyak datang ke bandar. Kedua, bandar semakin membesar.

■1040

Saya percaya di Kedah sendiri banyak jelapang-jelapang padi. Kalau ditanyakan apabila kota Alor Setar semakin besar, Jerai pun makin besar, kawasan padi digunakan untuk tujuan perumahan dan sebagainya dan ini menyempitkan lagi dari segi jumlah tanah yang digunakan untuk tujuan makanan. Sebab itu saya setuju bahawa kita sentiasa memerlukan kerjasama dengan semua pihak, pihak kerajaan

negeri, pihak jabatan-jabatan alam sekitar dan sebagainya untuk melihat bahawa keperluan makanan itu adalah merupakan suatu perkara yang besar.

Yang keduanya juga dari segi teknologi. Sekarang ini teknologi mesti dipertingkatkan lagi untuk menjadikan jumlah tanah yang tidak berubah ataupun semakin menyempit ini dapat menghasilkan sesuatu yang lebih banyak lagi. Sebab itu di bawah MARDI misalnya, kalau mungkin saya kongsi Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada kita dahulu biasa membaca karya sasterawan negara tentang Ranjau Sepanjang Jalan iaitu cerita susahnya mereka yang berada di kawasan padi, tanah yang penanaman yang tidak efisien, penyakit yang datang, ada tikus, ada banjir, ada kemarau dan sebagainya yang memperlihatkan kesengsaraan yang terpaksa dihadapi oleh petani.

Akan tetapi sebahagian besar kesengsaraan itu sudah tidak wujud lagi kerana teknologi membolehkan kita menggunakan *mechanisation*, menggunakan jentera. Teknologi membolehkan kita menghasilkan varieti-varieti padi misalnya bawah MARDI mengeluarkan *Siraj 297, MR 269*. Angka-angka itu kita lihat satu angka-angka yang penting kerana setiap benih yang kita hasilkan itu terpaksa dihasilkan untuk menyesuaikan tentang cabaran-cabarank baru yang terpaksa dihadapi termasuk *climate* yang disebutkan tadi, termasuk tahan penyakit, tahan tikus dan sebagainya.

Jadi ini adalah merupakan cabaran yang mesti kita buat sentiasa supaya isu-isu yang pernah menghantui kita dahulu. Waktu itu tidak ada *climate change* tetapi sekarang ada *climate change*, kita menghasilkan jumlah padi, jumlah beras yang lebih baik daripada yang lepas.

Yang keduanya kita juga mesti melihat dari segi perspektif pengguna itu sendiri. Kita lihat dahulunya orang kita makan beras banyak, *average* nya kalau tidak silap saya lebih kurang dekat 80 kg bagi satu orang. Akan tetapi sekarang ini ada perubahan. Walaupun rakyat bertambah ramai tetapi orang kurang makan beras. Dulu orang makan, dia tidak makan beras, makan nasi. Makan nasi tiga kali sehari, pagi mesti nasi, tengah hari nasi, malam nasi. Sekarang ini terdapat kecenderungan kurang nasi tetapi banyak lauk, banyak protein dan banyak sayur di mana dikatakan dari segi purata bagi seorang rakyat Malaysia sudah berkurangan. Kalau tidak silap saya 69 kilogram. Daripada 80 kilogram kepada 69 kilogram.

Jadi perspektif ini juga kita lihat dari segi apakah yang perlu ditambah di masa yang akan datang. Sebab itu peningkatan dari segi keluaran protein kita, sayur kita adalah merupakan perkara yang perlu menjadikan strategi baru dalam dasar agromakanan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua; Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab panjang lebar dan tahniah juga kerana tidak lagi 100 peratus kebergantungan kepada import makanan luar dan juga rakyat mudah untuk mendapatkan makanan. Jadi soalan saya, kita tahu bahawa pengeluaran ayam telah mengatasi 103 peratus. Jadi kenapa kita masih lagi mengimport ayam daripada luar kerana bagi saya kalau penggalakan untuk ladang ternakan bertambah, sudah pastilah cukup untuk kita menampung keperluan rakyat di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat Senator. Ayam ini sekarang ini dilihat satu sektor penting dalam pertanian kerana ayam adalah merupakan protein yang paling murah. Jadi kalau orang kata ayam mahal, jangan makan ayam, tidak boleh kerana ayamlah yang paling murah. Saya ingat waktu kita kecil dahulu, siapa kalau datang rumah saya, saya sembelih ayam, itu hebat kerana ayam mahal pada waktu tersebut. Ayam kampung pada masa dulu kosnya lebih tinggi daripada ayam yang kita panggil ayam daging ataupun *broiler* yang sekarang ini yang menjadikan lebih murah. Sebab itu melihat keupayaan negara untuk menghasilkan ayam yang mencukupi adalah penting.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator bertanya tadi, kita menghasilkan ayam 103 peratus. Maknanya lebih, sedikit lebih daripada apa yang diperlukan. Kita sembelih sekarang ini 1.9 juta ekor ayam satu hari. Sedangkan rakyat kita makan sekitar 2 juta lebih, sekitar begitu juga, 1.9 juta. Memandangkan lebih kurang 2 juta ekor ayam disembelih sehari.

Akan tetapi sebahagian ayam kita juga kita gunakan untuk eksport. Misalnya, Singapura, misalnya di sana ada dekat 4 juta orang, hampir 5 juta orang penduduk di sana. Walaupun mereka boleh mengimport ayam daripada negara lain yang lebih murah, misalnya negara pengeluar ayam yang termurah dalam dunia ini antaranya ialah Amerika Syarikat kerana sistem mekanisasi mereka itu, mereka menggunakan *cost labour* yang paling rendah sekali, memerlukan jumlah tenaga kerja yang murah. Sana seorang pekerja boleh menjaga 100 ribu ekor ayam kerana semuanya menggunakan teknologi dan mereka juga pengeluar jagung dan kacang soya yang terbesar. Jadi menjadikan dia rendah. Begitu juga Brazil, begitu juga negara lain, pengeluar ayam yang murah.

Akan tetapi negara seperti Singapura ada yang waktu itu mereka memerlukan ayam segar. Misalnya hendak buat nasi ayam tidak boleh pakai ayam sejuk beku. Nasi ayam, dia kena memerlukan. Ada dua perspektif, ada kata oleh kerana rakyat kita perlu, jangan eksport. Akan tetapi kita katakan eksport ini ada baiknya kerana bila kita eksport banyak, maka ia membantu untuk mengukuhkan *currency* kita kerana melihat soal jaminan makanan, *food security*, kita mesti lihat bukan daripada perspektif pertanian sahaja tetapi mesti lihat daripada perspektif ekonomi.

Salah satu daripada perkara yang menjadikan negara kita rakyatnya *affordable* dari segi mendapatkan makanan ialah satunya dari segi gaji, pendapatan rakyat. Pendapatan rakyat tinggi, semua jadi murah. Maknanya dia *afford*, dia mampu.

Yang keduanya ialah dari segi *currency* kita, dari segi mata wang kita. Sebab itu Singapura dianggap negara rakyatnya mampu kerana mata wang dia tinggi. Bila mata wang dia tinggi, barang yang daripada luar semuanya menjadi murah, mampu dimiliki oleh rakyat negara kita. Sebab itu kita mesti mengizinkan apa-apa yang boleh kita eksport, kita eksport.

Itu salah satu daripada strateginya kerana kalau kita lihat konsep GDP misalnya antaranya *aggregate demand*, *aggregate demand* ialah antaranya ialah soal eksport. Bila kita dapat eksport, maknanya mata wang luar datang negara kita. Ertinya dia akan mengukuhkan mata wang kita. Tinggi

eksport lebih mengukuhkan mata wang kita. Sebab itu kalau kita ada pasaran di sana, jangan bunuh pasaran tersebut, biarlah kita eksport sikit. Akan tetapi kalau kita import, kita lihat import itu apakah import yang boleh kita eksport kembali.

Misalnya kita import, kita ada syarat, import ayam daripada Thailand, daripada China, daripada Brazil misalnya untuk tujuan apa. Kita tidak membenarkan ayam yang diimport itu untuk tujuan dijual di pasar tani kita, dijual di pasar kita, dijual di pasar raya kita, ayam, kerana itu akan menyaingi pengeluar-pengeluar ayam kita.

■1050

Akan tetapi kita benarkan sekiranya ayam tersebut diimport bagi tujuan proses, buat nugget buat, sosej, buat burger yang sebahagiannya boleh kita eksport kembali. Oleh sebab itu, walaupun kita pengeluar ayam cukup, kita benarkan import dan sebahagiannya untuk tujuan diproses dan sebahagiannya juga untuk tujuan eksport kembali. Singapura misalnya, kenapa mata wang mereka kukuh? Mereka import banyak barang, diproses dalam negara mereka dan mereka eksport kembali dan ada dipanggil *value add* ataupun nilai tambah di situ menyebabkan kita dapat untung kembali.

Jadi sebab itu kita memerhatikan perkara ini, kita ada eksport tetapi kita ada import. Kalau import itu boleh kita eksport kembali tidak mengapa dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah bagi penjelasan Yang Berhormat panjang. Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

3. Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sumbangan syarikat swasta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara, dan jumlah pembiayaan yang telah disalurkan serta sasaran kerajaan dalam usaha memusatkan lagi perkembangan R&D.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita bercerita tentang makanan, saya pun seronok mendengarnya. Hari ini, sekarang kita nak bercerita tentang penyelidikan untuk menyokong perkara-perkara tersebut.

Sebenarnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kita memang aktif dalam membangunkan kerja-kerja penyelidikan sampai peringkat pengkomersialan. Bermaknanya daripada fundamental *research* sampai kepada pra pengkomersialan dan pengkomersialan produk, ini adalah kerja yang dilakukan oleh Kementerian Sains. Soalan tadi sekitar kepada- kerana saya tahu soalan ini yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kerana pada satu ketika kita risau adakah pihak swasta menyumbang untuk kerja-kerja penyelidikan.

Apa yang kita lihat pada tahun 2015, berdasarkan pada yang dilakukan daripada *Gross Expenditure on R&D (GERD)* kita telah berbelanja pada tahun 2016 sebanyak RM15.058 juta ataupun dalam RM15 bilion lebih, di mana sektor swasta menyumbang 51.95 percent iaitu kepada RM7,823.5 juta.

Bermakna melebihi berbanding dengan pada tahun sebelumnya, pada tahun 2014 pihak swasta hanya menyumbang 45.66 percent iaitu hanya RM6,371 juta, jadi bertambah.

Soalan kedua juga sekitar kepada apakah *target* kita untuk kerja-kerja penyelidikan. Saya nak beritahu yang kita mempunyai *target* iaitu pada tahun 2020, kita nak *target* sekurang-kurangnya kita berada pada paras dua percent daripada pendapatan negara kasar. Ini yang kita minatlah, yang kita nak. Akan tetapi buat masa sekarang kalau kita tengok, kita dari segi penyelidikan ini membelanjakan ranking pada peringkat antarabangsa dalam laporan IMD ataupun *World Competitiveness Yearbook Report 2017* dari segi peratusan perbelanjaan sektor pihak swasta terhadap Keluaran Negara Kasar Malaysia ini berada pada 0.68. Berbanding dengan negara lain sudah tentulah macam Korea 3.27 percent, Jepun 2.85 percent, 1.83 percent oleh Singapura, Thailand 0.43 percent. Jadi kita berada diparas 28 dari 63 buah negara.

Jadi, benda yang baik dan kita sentiasa berusaha ke arahnya dan pihak MOSTI sentiasa memperkenalkan bidang-bidang yang baru terutama bidang ICT sekarang ini yang menjadi tumpuan untuk kita menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Kita juga sekarang ini telah merancang fasal TN50 dan sebagainya. Jadi kerja penyelidikan kita memang kita berbelanja daripada peringkat fundamental *research* sampai ke peringkat pengkomersialan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh manakah penyelidikan-penyeleidikan yang dilakukan selaras dengan kehendak permintaan industri dan dengan penglibatan penuh daripada pihak kerajaan, industri dan ahli akademik? Apakah pencapaian universiti tempatan bertaraf penyelidikan dalam menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan bagi tempoh 10 tahun ini dan syarikat swasta dan GLC yang terlibat dalam memasarkan produk tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ini bukan soalan tambahan, ia tambahan, tambahan. Tambahan, tambahan, tambahan [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tahu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tidak apa. Sebenarnya saya boleh jawab soalan ini dengan baik tapi mengambil masa yang panjang sedikit. Pertama, sebenarnya kerja penyelidikan di universiti yang kita belanjakan ini ia ada banyak sebenarnya geran yang kita ada, kalau saya tengok geran yang kita ada buat masa sekarang kita ada *ScienceFund*, *Pre Commercialization Fund*- *TechnoFund*, kita ada *InnoFund*, dana R&D, *Go Fund*, *SMART Fund* dan macam-macam supaya kita berharap suatu masa nanti akan lahir *entrepreneur*.

Akan tetapi oleh kerana banyak *fund* ini kadang-kadang jadi geran terpenuh pula, maknanya banyak minta geran. Habis minta satu, habis minta satu, habis minta satu, ini kita risau lah tapi ini berlaku, kita bantu dengan baik. Saya hendak cerita macam mana boleh menghasilkan produk ini boleh dikomersialkan, sama panjang dengan jawapan pasal padi tadi ya, lebih kurang.

Saya boleh jawab. Kalau misal kata kita berfikir tiba-tiba kita bangun pagi, kita terfikir nak buat satu produk yang berdasarkan kepada masalah di kampung kita. Katakan kita tengok orang itu, kita pun hendak buat. Jadi kalau kita ada idea di situ, boleh datang kepada Kementerian Sains kita panggil *InnoFund*, RM500,000 yang ini kalau datangnya daripada *company* ataupun yang seperti itu tetapi kalau kita persendirian, kita hanya bagi setakat RM50,000 *enterprise*. Kalau sendirian berhad kita bagi RM500,000.

Kedua, kalau universiti pula, kalau ada pensyarah universiti yang berfikir dia buat PhD, ijazah kedoktoran, bukan seperti yang dikatakan tadi ya, ini yang betullah, yang ada idea nak lahirkan itu, yang ini kita *ScienceFund*. Kita bagi RM500,000 juga tapi selalunya kita bagi dekat institusi penyelidikan seperti universiti boleh buat isu macam Lembaga Getah, yang berdasarkan institut penyelidikan, yang ini RM500,000. Selepas itu katakan projek ini sudah jadi, bila sudah jadi benda itu sudah muncul dan sudah boleh pakai, kita rasa ia boleh dikomersialkan. Boleh *apply* melalui *research* yang sekarang ini kita panggil *SMART Fund*, kita bagi RM3 juta.

Mana ada satu kerajaan dalam dunia bagi RM3 juta tidak bayar balik. Saya, kad kredit tidak bayar RM5,000 pun dia datang di rumah surat *warning*. Akan tetapi dekat sini RM3 juta kita bagi. Lepas itu pula kalau produk ini kita rasa boleh dikomersialkan, boleh dijual, kita boleh pergi ke MTDC dipanggil *Commercialization of Research and Development Fund (CRDF) up to RM4 million*. Ada yang RM4 *million* bayar RM1 *million*, kita tengok benda-benda begitu. Jadi semua benda itu *ScienceFund* tadi yang RM500,000 itu kita tidak beri kepada pihak swasta. Akan tetapi bermula pada *InnoFund* sampai ke pengkomersialan, pra pengkomersialan, ini semua pihak swasta terlibat, kena ada sendirian berhad, tidak apa. Kita tidak bagi pada agensi kerajaan untuk proses pengkomersialan.

Dia bercerita fasal 10 tahun, dia nak data 10 tahun, saya ada data 20 tahun tapi saya baca setakat 10 tahun saja ya [*Ketawa*] Saya kena buka cermin mata kerana tulisannya agak kecil. Saya bagi untuk Rancangan Malaysia Kesembilan selepas kita belanja RM2.896 bilion, produk yang dikomersialkan memang tidak begitu banyak kerana itu fasalnya pada tahun 2017, kita panggil Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY). Di mana kita nak *promote* barang-barang selepas kita belanja begitu banyak ini boleh dikomersialkan. Itu fasalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masa bajet tahun 2016 mengumumkan tahun 2017 adalah *Malaysia Commercialization Year (MCY)* untuk mengkomersialkan produk-produk sains.

Oleh sebab itu, maka kalau cerita-cerita fasal *award* ini nanti tidak terkira nilai *award* ini. Rancangan Malaysia Kesembilan, kita dapat peringkat antarabangsa sebanyak 401 *award*. Untuk *national* 842, Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak 163 *award* dan *national* 339, berjumlah 502 *awards*.

■1100

Tahun ini saja Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya belum dapat senarai dia lagi. Untuk produk yang dikomersialkan, berpotensi dikomersialkan pada Rancangan Malaysia Kesembilan, 1192, bilangan dikomersialkan 342. Untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, 350 potensi dikomersialkan dan kita mengkomersialkan 112.

Jadi nampaknya- tapi kadar pengkomersialan itu masih rendah. Ia sekitar lima atau enam *percent*. Kita menyasarkan selepas kita membelanjakan wang yang begitu untuk projek pendidikan, kita berharap dia boleh dikomersialkan paling tidak pun 15 *percent* pada masa akan datang. Saya ingat soalan yang ketiga itu, *company* yang ini saya tidak ada dalam senarainya. Saya akan usahakan kalau dapat nanti saya minta saya akan sampaikan nanti secara bertulis. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd Kasim.

4. **Datuk Hamzah Bin Mohd Kasim** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah manfaat langsung dan tak langsung dari pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK), terutama bagi golongan B40 dan apa pula kesannya terhadap kos sara hidup.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi negara bagi tahun 2017 terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus. Peningkatan dalam KDNK akan memberikan manfaat secara langsung dan juga tidak langsung kepada negara termasuk golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, B40. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh telah berjaya membantu negara mengekalkan tahap guna tenaga penuh dalam ekonomi dengan kadar pengangguran pada 3.3 peratus pada Januari 2018.

Dalam hal ini, pertumbuhan ekonomi yang baik akan membantu perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan ini seterusnya memberi faedah kepada rakyat negara ini termasuk golongan B40 bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Pada suku keempat 2017, kira-kira 300,000 peluang pekerjaan baharu telah diwujudkan. Ini secara tidak langsung akan membawa kepada peningkatan pendapatan per kapita golongan (B40) dan seterusnya meningkatkan kuasa beli mereka. Dari tahun 2013 sehingga tahun 2016, pendapatan isi rumah purata bagi kumpulan isi rumah B40 telah meningkat sebanyak 11.4 peratus kepada RM2,848 sebulan.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar beban yang dihadapi oleh rakyat terutama golongan B40 akibat kesan inflasi. Kadar inflasi bagi tahun 2017 meningkat 3.7 peratus. Sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah global yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara. Kadar ini walau bagaimanapun ia menyederhanakan kepada 1.4 peratus pada Februari 2018.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha membantu meringankan beban yang ditanggung golongan tersebut. Ini termasuk:

- (i) memperluas Program eRezeki, eUsahawan dan eDagang di bawah *Malaysia Digital Ekonomi Corporation (MDEC)*;
- (ii) menyediakan pinjaman mudah kepada 1,000 usahawan *Food Truck 1Malaysia* dan *Mobile Food Kiosk 1Malaysia* melalui Bank Rakyat dan Bank

- Simpanan Nasional dengan kerajaan memberi subsidi kadar faedah empat peratus;
- (iii) menyediakan peruntukan bagi Program 1AZAM,
 - (iv) menjalankan program motosikal tiga roda di bawah FAMA, program *Mobilepreneur GiatMARA* dan program *MyAgrosis*;
 - (v) memberi subsidi gas memasak dan subsidi bil elektrik;
 - (vi) insentif pengeluaran getah kepada pekebun kecil;
 - (vii) subsidi harga, subsidi benih dan subsidi baja kepada pesawah padi;
 - (viii) elaun sara hidup nelayan dan penawaran geran kepada pemandu teksi;
 - (ix) menyediakan pemberian bantuan rakyat 1Malaysia BR1M yang akan memanfaatkan kira-kira tujuh juta penerima pada tahun 2018;
 - (x) menyediakan 50 Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0;
 - (xi) memberi bantuan pendidikan rendah dan menengah termasuk bantuan persekolahan sebanyak RM100 kepada setiap pelajar dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM3,000 dan meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia sekolah rendah;
 - (xii) menyediakan kemudahan kad debit pelajar bernilai RM250 bagi pembelian buku, alat tulis, alatan komputer dan akses internet;
 - (xiii) meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk rakyat;
 - (xiv) memberi pelbagai bantuan persekolahan seperti bantuan makanan, buku teks dan bantuan geran per kapita;
 - (xv) mempertingkatkan latihan pendidikan teknikal dan vokasional bagi meningkatkan kemahiran belia dan seterusnya peluang pekerjaan;
 - (xvi) menyediakan pelbagai bantuan dan insentif kepada petani, pekebun kecil, nelayan dan penoreh getah termasuk bagi meningkatkan produktiviti dan hasil mereka;
 - (xvii) memberi pelbagai pinjaman dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta; dan
 - (xviii) menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan kepada isi rumah B40 melalui MARA, KOJADI, TERAJU, SPUMI dan TEKUN.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus komited untuk membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Dalam hal ini, usaha akan terus dipertingkatkan bagi memastikan semua langkah-langkah yang telah dirangka dapat dilaksanakan sebaiknya dan seterusnya akan memberikan kesan positif kepada kesejahteraan hidup rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Soalan tambahan.

Datuk Hamzah bin Mohd Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sewajarnya apabila berlaku pertumbuhan KDNK pada kadar yang menggalakkan iaitu 5.9 peratus dalam tahun 2017. Maka pendapatan rakyat juga turut bertambah dan dari pendapatan yang bertambah itu, akan mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat. Soalan saya, apakah andaian tersebut benar? Jika benar, setakat manakah kesan positifnya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa selaras dengan pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata negara ini telah meningkat daripada RM6,141 sebulan pada tahun 2014 kepada RM6,958 sebulan pada tahun 2016. Dengan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, kadar kemiskinan di Malaysia juga telah berkurangan daripada perpuluhan enam peratus pada tahun 2014 kepada perpuluhan empat peratus pada tahun 2016. Indikator-indikator yang dinyatakan menunjukkan bahawa pendapatan rakyat negara telah meningkat selaras dengan perkembangan memberangsangkan ekonomi negara.

■1110

Pertambahan pendapatan rakyat hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara ini secara tidak langsung membantu mereka mengurangkan beban kos sara hidup. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

5. **Datuk Jamilah Sulaiman** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi rasa tidak puas hati penduduk/perumahan yang tidak mendapat pampasan yang sewajarnya apabila tanah atau rumah mereka terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Pan-Borneo.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana projek-projek lain ataupun projek-projek Kerajaan Persekutuan lain di negeri Sabah dan Sarawak. Kerja-kerja pengambilan tanah bagi Projek Lebuhraya Pan-Borneo turut dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) bagi negeri Sabah dan Jabatan Tanah dan Survey atau *Land And Survey* bagi negeri Sarawak.

Kaedah pengambilan tanah yang dilaksanakan bagi tujuan Projek Lebuhraya Pan-Borneo di kedua-dua negeri tersebut adalah serupa dengan kaedah yang dilaksanakan bagi tujuan projek-projek Kerajaan Persekutuan yang lain iaitu menggunakan pakai Ordinan Pengambilan Balik Tanah di negeri masing-masing. Ini termasuklah asas-asas kepada penetapan nilai pampasan semasa terhadap tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan balik oleh kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala isu yang berbangkit dengan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan-Borneo dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif atau *Executive Committee*,

dengan izin, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dan dihadiri oleh pelbagai agensi yang terlibat.

Ini termasuklah isu-isu berkaitan dengan pengambilan tanah. Jawatankuasa Eksekutif ini akan meneliti isu-isu bagi mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek tanpa mengabaikan kepentingan *stakeholders* yang berkenaan termasuklah pemilik-pemilik tanah. Di samping itu, pemilik tanah yang tidak berpuas hati dengan kadar pampasan sebenarnya mereka boleh merayu melalui proses yang ditetapkan di bawah Ordinan Pengambilan Tanah sama ada melalui pejabat tanah. Kalau tidak dapat diputuskan oleh pejabat tanah ianya bolehlah dirayukan di mahkamah dan kata pemutusnya adalah mahkamah. Terima kasih.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan tadi. Cuma saya ada dua soalan di sini. Walaupun kita amat mengalu-alukan pembangunan namun kita harus memberi keadilan kepada mereka yang terlibat.

Soalan saya ialah bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk mengkaji semula kenaikan mengikut kadar nilai terkini agar mereka yang terlibat dapat membina kehidupan yang baharu? Hal ini kerana banyak keluhan bahawa harga tawaran untuk pampasan terlalu rendah sehingga penduduk terlibat tidak dapat membeli ganti balik tanah atau membangun rumah ganti.

Kedua, soalan tambahan yang kedua ialah difahamkan setakat ini masih ramai mereka yang terlibat belum menerima bayaran pampasan. Bilakah atau sesegera manakah bayaran pampasan ini boleh dilakukan khususnya kepada penduduk terlibat yang telah selesai penilaian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Untuk soalan pertama, sama ada kerajaan boleh mempertimbangkan untuk membayar lebih daripada harga pasaran.

Untuk makluman dari segi asas perundangan apa-apa pampasan pengambilan tanah mestilah berasaskan kepada harga nilai pasaran semasa. Untuk di Sabah saya telah dimaklumkan sebab kebetulan soalan ini juga dibangkitkan di Dewan Rakyat. Seorang Ahli Dewan Rakyat juga telah memaklumkan bahawa sebenarnya untuk di negeri Sabah, pampasan dibayar adalah lebih tinggi daripada harga pasaran iaitu lebih kurang 30 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Itu yang dimaklumkan oleh Pejabat Tanah dan Ukur.

Kedua, berhubung kait dengan yang belum menerima. Sebenarnya dalam proses untuk di negeri Sabah ini kita sudah pun melaksanakan tujuh pakej kerja yang telah dianugerahkan. Lima sebenarnya sudah dimuktamadkan dari segi jajaran dan tanah-tanah yang bakal diambil maknanya sudah digazetkan. Kita sudah pun membayar lebih kurang RM75 juta daripada keseluruhan pampasan yang telah diputuskan oleh pejabat tanah. Untuk itu kemungkinan apa yang berlaku kelewatan ialah proses. Ini sebab bila untuk pengambilan tanah ini ianya kena melalui beberapa proses. Pertama, untuk dikenal pasti jajaran tanah yang bakal diambil. Kedua, untuk mendapat perkenan daripada TYT.

Ketiga ialah proses gazet dan setelah gazet, notis tawaran pampasan kepada pemilik tanah dan pemilik tanah akan mengatakan bersetuju ataupun tidak. Kalau dia tidak bersetuju maka dia akan membuat rayuan melalui pejabat tanah.

Bila rayuan ini maka akan diputuskan melalui *public inquiry* dan setelah diputuskan sama ada tuan tanah bersetuju ataupun tidak. Mana yang bersetuju akan dibayar dan tidak bersetuju akan pergi ke mahkamah. Ini mungkin kelewatan mana yang pergi ke mahkamah tidak akan dibayar sehingga lah diselesaikan di mahkamah jumlah nilai pampasan yang akan diputuskan. Ini mungkin melibatkan proses mengapa sebahagiannya belum mendapat pampasan. *Insya-Allah* saya akan melihat sendiri untuk mencari mana yang telah dipersetujui nilai pasarnya, pemilik tanah sudah bersetuju saya akan melihat sendiri bagaimana ianya dapat dipercepatkan bayaran kalau mereka masih belum dapat bayaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ini Menteri ada datang tidak ada soalan tambahan? [Ketawa]

6. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah peranan guru di dalam mendepani cabaran melalui usaha Kerajaan menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan langkah-langkah yang diambil melalui silibus pembelajaran mahupun kaedah kelas pintar (Kelas Abad ke-21) di dalam usaha untuk membentuk masyarakat Malaysia yang mengikut acuan TN50 pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang sangat berkaitan dengan trend pada hari ini berkenaan dengan TN50 dan Kelas Abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, guru memainkan peranan penting dalam menjayakan sebarang aspirasi kerajaan melalui pelbagai pelan transformasi seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mahupun Transformasi Nasional 2050 (TN50). Pemantapan peranan guru sebagai pemudah cara dalam penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) adalah sangat penting untuk memastikan kaedah penyampaian menepati pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21.

Guru perlu berkeupayaan untuk menyesuaikan PDP bagi setiap murid mengikut tahap penguasaan individu sekali gus memaksimumkan keberhasilan murid secara keseluruhannya dan menjadikan mereka dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Selaras dengan keperluan abad ke-21 serta Revolusi Industri 4.0 yang berfokus kepada dunia siber, peranan guru kini adalah sebagai pembimbing dan menyedarkan murid bahawa proses pembelajaran dan pemerolehan ilmu berlaku di mana-mana sahaja tidak kira masa sepanjang hayat mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilik darjah pintar untuk abad ke-21 (PAK-21) akan dilaksanakan di sekolah secara berperingkat-peringkat.

PAK-21 bukanlah semata-mata berpaksikan teknologi tetapi lebih menjurus kepada pendekatan PDP yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi. Guru sedia ada perlu kreatif untuk menggunakan sumber yang ada ataupun yang boleh diperoleh melalui kerjasama pelbagai pihak bagi mengoptimumkan proses PDP. KPM juga telah mengambil langkah untuk

menyediakan guru masa hadapan dengan memperkuuhkan proses pemilihan guru pelatih dengan melaksanakan pendekatan yang lebih holistik untuk menarik calon daripada pelbagai latar belakang dan tahap pengalaman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan, Tan Sri.

▪ 1120

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan penjelasan yang begitu baik. Saya ada dua soalan, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita ketahui dalam menuju ke era global IT sejajar dengan Industri Revolusi 4.0, adakah Kementerian Pendidikan telah mempunyai perancangan khusus untuk melatih guru-guru dalam bidang tersebut? Ini kerana berdasarkan pengalaman kita yang lalu, banyak dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kementerian di mana guru belum cukup bersedia. Contoh yang hendak saya bagi ialah PPSMI, BestariNet, DLP dan lain-lain. Ini kerana jika perkara ini berterusan berlaku, ia akan merugikan kerajaan dan pembaziran serta projek itu akan gagal. Itu yang pertama.

Kedua, seperti yang kita sedia maklum, salah satu matlamat TN50 ialah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu, yang harmonis dengan menanamkan semangat patriotisme, jati diri Malaysia, persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati di kalangan rakyat berbilang kaum. Akan tetapi hari ini kita merasakan sifat-sifat ini dan semangat kenegaraan masih perlu diperbaiki. Soalan saya, apakah perancangan Kementerian Pendidikan untuk meneliti kembali modul-modul dan kaedah-kaedah yang berkaitan dengan mewujudkan nilai-nilai kenegaraan ini. Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Maklumat untuk Ahli Yang Berhormat, semasa kita merancang pembaharuan ataupun transformasi pendidikan negara kita untuk menghadapi cabaran abad ke-21, kita bukan hanya mengubah sistem pendidikan di dalam bilik darjah tetapi kita juga mengubah cara kita melatih guru-guru di IPGM. Saya hendak bagi contoh kepada Ahli Yang Berhormat. Di bawah kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di bawah IPGM, kita telah membuat perubahan kurikulum yang relevan di mana kita masukkan sembilan Program *Learning Outcome* (PLO) yang melibatkan seperti berikut:

- (i) pengetahuan;
- (ii) kemahiran praktik;
- (iii) penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik;
- (iv) kemahiran komunikasi;
- (v) kemahiran sosial, kemahiran berpasukan dan tanggungjawab;
- (vi) nilai, sikap dan profesionalisme;
- (vii) pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (viii) kemahiran pengurusan dan keusahawanan; dan
- (ix) kepimpinan.

Semua itu kita wujudkan, termasuklah kepada pembelajaran abad ke-21 serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Melalui transformasi IPG menjelang tahun 2019, peluasan penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui penambahbaikan kandungan kurikulum ke arah pembelajaran bermakna melalui kapasiti pedagogi terkini dan pemanfaatan teknologi digital dan pembelajaran pelajar yang berfokuskan kepada enam kompetensi utama iaitu seperti mana yang Yang Berhormat berkata, sahsiah, kewarganegaraan, kolaboratif, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritis.

Pelaksanaan PDP IGP dalam transformasi IPG ini juga menekankan empat aspek utama iaitu rakan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, amalan pedagogi terkini dan pemanfaatan digital. Apa yang ingin saya sampaikan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa rombakan kepada sistem pendidikan kita, hari ini menjadikan guru kita bukan lagi menjadi, dengan izin, *spoon feed* kepada anak-anak kita tetapi guru kita dalam bilik darjah pada hari ini sebagai pemudah cara, membimbing anak-anak kita untuk mencari ilmu bersama. Kurikulum yang kita rubah pada hari ini di mana anak-anak kita kena berbincang dalam kumpulan, mencari penyelesaian dan juga membuat presentasi- *presentation*, untuk menjual idea mereka.

Oleh itu, pembelajaran abad ke-21 hari ini tidak lagi seperti mana yang kita laksanakan sebelum ini. Penyediaan guru kita di IPGM pun sudah membuat semua persiapan supaya kita akan menampakkan satu perubahan sistem pendidikan yang memenuhi cabaran abad ke-21. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah dalam usaha guru-guru menyahut cabaran TN50, apakah status terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 di mana fungsi dan matlamatnya adalah ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan juga sekolah berkualiti yang kita faham. Soalan saya adalah apakah persediaan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Program Transformasi Sekolah (TS25) dan juga saya ingin tahu, adakah Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan dana khas untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah yang membina kelas pintar di semua sekolah. Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Saya teruja apabila Yang Berhormat Senator dapat menyebutkan TS25. Satu program di mana kita akan mentransformkan sekolah kita menjelang tahun 2025. Kita telah melaksanakan perintisan kepada 100 buah sekolah kita untuk menjadikannya sebagai sekolah abad ke-21 bermula tahun 2016 lagi. Jadi kita sekarang akan menyebarkan perluasan kita kepada seribu buah sekolah dan akhirnya semua sekolah sebagai *transform* sekolah menjelang tahun 2025. Di situ kita akan bermulanya penaksiran bilik darjah kita. Satu penaksiran yang berlainan berdasarkan kepada konsep sekolah amanah yang kita laksanakan pada hari ini.

Di situ juga guru sebagai *partner learner* seperti mana yang telah saya jawab sebelum ini, sebelum ini dalam bilik darjah, dalam waktu pembelajarannya, fokus adalah kepada guru. Contohnya satu kelas ada 35 orang murid. Dalam waktu pembelajaran tersebut, semua murid berfokuskan kepada guru. Gurulah menjadi semuanya. Dari mengajar, menjadi *spoon feed*, dengan izin, kepada semua murid.

Akan tetapi pada abad ke-21 ataupun kelas abad ke-21 ataupun sekolah pintar yang kita akan laksanakan tersebut, peranan guru sudah berubah. Mereka menjadi pemudah cara, mereka memberi

bimbingan, mereka sebagai *partner learner* untuk membawa anak-anak kita untuk belajar sendiri, mencari ilmu sendiri kerana adanya *digital learning*. Hari ini anak-anak kita, semua orang sebenarnya, bukan hanya anak-anak kita, setiap warganegara Malaysia mampu mencari maklumat dengan hujung jari sahaja. Jadi kita tidak boleh hanya memberikan pengajaran mengikut skop kurikulum yang kita tentukan itu sahaja.

Oleh itu dengan penyediaan kepada bilik darjah *smart classroom* telah diperuntukkan, menjawab soalan Yang Berhormat Senator, dalam peruntukan belanjawan telah diberikan peruntukan khusus untuk kita membantu membina kelas-kelas pintar yang kita membekalkan komputer.

Akan tetapi yang ingin saya tegaskan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, kelas abad ke-21 tidak hanya berpaksikan kepada teknologi. Tidak bermakna kita pasang komputer, kita ada *interactive board*, itu adalah abad ke-21. Ia lebih kepada konsep PDP. Bagaimana cara pengajarannya? Cara pencarian ilmu oleh murid-murid kita itu lebih luas konsepnya pada abad ke-21. Sekian, terima kasih.

Datuk Rabiyah binti Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, bagi memacu pertumbuhan ekonomi secara bersepadu, aspek Pembelajaran Seri Kreatif dan Budaya perlu dipadukan dalam pendidikan di sekolah. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menyumbang kepada Pembangunan Seni Kreatif Negara seiring TN50. Terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan satu lagi. Seperti mana jawapan saya Yang Berhormat Senator atau Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam pembelajaran dan penyediaan kurikulum kita pada hari ini, penekanan kepada kreativiti, inovasi dan komunikasi itu sangat penting. Kita bukan hanya memberikan pengujian dan penaksiran kepada seseorang murid berdasarkan kepada peperiksaan semata-mata. Oleh itu kalau kita melihat cara kita mengumumkan keputusan UPSR, PT3, jauh berbeza. Kita tidak lagi memberikan apa-apa analisis berkaitan dengan keputusan yang diperolehi oleh mana-mana sekolah. Tidak ada lagi perbandingan mana sekolah yang lebih baik ataupun daerah ataupun negeri yang lebih baik.

■1130

Kalau tanya Menteri atau Timbalan Menteri pun kita tidak ada analisis sebab kita tidak mahu masyarakat melihat kepada keputusan tersebut sebagai satu pengukuran maksimum ataupun muktamad terhadap seseorang murid setelah enam tahun mereka berada di sekolah rendah. Jadi apa yang penting ialah lebih kepada pentaksiran secara berdasarkan sekolah dari pelbagai aspek peperiksaan ataupun ujian ataupun pentaksiran peperiksaan itu cuma salah satu sahaja.

Oleh itu, dalam kurikulum, dalam cara pembelajaran, kita menekankan kepada kreativiti. Saya memberi satu contoh yang selalu saya berkongsi dengan kawan-kawan saya. Bila saya membuat lawatan ke sebuah sekolah rendah, sekolah kebangsaan semasa pembukaan sekolah tahun ini, tahun 2018. Bila saya masuk ke bilik darjah saya melihat guru sedang mengajar murid-murid tahun satu pada hari pertama untuk membuat pewarnaan atau *coloring*. Seorang budak itu belum lagi mewarnakan rambut, saya bertanya kepada anak tersebut apakah warna rambut nanti? Belum sempat jawapan daripada murid

tersebut guru telah menjawab, hitam dia kata. Saya pun terkejut, saya pandang guru saya kata mesti hitam kah? Guru kata mesti, kita ini orang Asia tidak ada yang kuning, tiada yang biru, mesti hitam, saya tidak jawablah.

Akan tetapi selepas itu balik berbincang dengan pegawai-pegawai saya. Saya kata tahun pertama, hari pertama masuk ke sekolah kita patahkan idea mereka, *we kill the idea*, semesti kah rambut itu hitam? Ada dikalangkan kita yang sudah jadi putih, ada pula yang tiada rambut. Jadi kalau kepada anak-anak tahun pertama pun kita memberikan satu skop yang begitu *rigid*, tiada pilihan lain, *we kill the idea*. Semua penyelidikan menunjukkan bahawa selepas sistem pendidikan, bukan hanya di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana negara sahaja selepas sistem pendidikan tahap kreativiti semua anak-anak kita semakin nipis kerana kita perlu menjawab soalan yang telah kita tetapkan, jawapan yang telah kita tetapkan.

Oleh itu, dalam menghadapi abad ke-21 kita menekankan kepada kreativiti. Biarkan anak kita memberikan jawapan mereka berdasarkan dengan pandangan mereka, jangan kita *rigid* sangat. Satu lagi contoh, pegawai saya yang memberikan contoh ini semasa dia mengajar di sekolah peralihan sekolah menengah, dia minta anak-anak melukis satu bendera Malaysia tetapi seorang anak Cina melukisnya dengan garisan bawahnya tidak lurus, bengkang-bengkok seperti itu. Dia pun tanya kenapa bendera macam itu? Jawabnya dia kata, “Cikgu-hayo, mana ada bendera yang lurus punya, semua ada angin tiup-tiup, so mestilah ini macam”.

So, itulah caranya. Kalau kita patahkan semua idea, tidak akan ada anak-anak Malaysia yang kreatif yang boleh mencipta sesuatu di luar sana. So, *it time to think out of the box*, dengan izin, supaya pendidikan kita boleh melahirkan generasi muda yang kreatif. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, syabas Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan ingin saya mengalu-alukan kedatangan SMK Batu Laut Tanjong Sepat, Kuala Langat... [Tepuk]

7. **Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, langkah-langkah proaktif yang telah dipersetujui dan diambil di antara Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam usaha meminimumkan kejadian jerebu rentas sempadan sehingga negara mengalami bebas jerebu teruk untuk 2 tahun berturut-turut dan apakah unjuran kos keseluruhan yang telah dapat diselamatkan apabila jerebu teruk rentas sempadan ini berjaya dielakkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung. Tuan Yang di-Pertua, jerebu merentas sempadan mula melanda negara pada tahun 1997 dan episod jerebu pada tahun 2015 merupakan yang terburuk pernah melanda negara.

Kejadian jerebu rentas sempadan sering berlaku semasa musim kering iaitu semasa monsun barat daya dari bulan April sehingga September ini yang membawa jerebu dari Indonesia ke Malaysia. kini

setelah dua tahun negara telah bebas dari jerebu hasil kerjasama berkesan antara negara Asian yang proaktif dan efisien melalui saluran rundingan dua hala atau sub-serantau yang melibatkan lima buah negara di selatan iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Antara komitmen negara-negara terlibat adalah untuk melaksanakan seperti berikut. Pertama, melaksanakan *Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* bagi memastikan supaya visi ASEAN bebas jerebu pada tahun 2020 dapat dicapai.

Kedua, memuktamadkan perjanjian penubuhan *ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control* (ACC) yang berpangkalan di Jakarta di mana ACC tersebut bertindak sebagai penyelaras bagi menangani isu jerebu di rantau ini. Yang paling signifikan adalah pihak Indonesia juga telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi untuk menangani masalah jerebu merentasi sempadan sejak kejadian jerebu tahun 2015 dan telah dilaksanakan *Indonesia Plans of Action in Dealing with Transboundary Haze Pollution* iaitu pertama, penubuhan agensi khas bagi memulihkan tanah-tanah gambut yang telah terbakar.

Kedua pelaksanaan jangka masa panjang *One Map Policy* iaitu pembangunan peta digital *geospatial* bagi seluruh Indonesia. Ketiga, pelaksanaan arahan presiden sendiri atau *presidential directive* yang berkuat kuasa pada 18 Januari 2016. Ia meliputi arahan untuk tidak mengeluarkan permit baru bagi konsesi di tanah gambut, pencegahan dan amaran awal jerebu, pengenaan hukuman yang tegas, pemuliharaan ekosistem tanah gambut, penguatkuasaan undang-undang serta kerjasama erat antara Kerajaan Pusat dan juga tempatan ataupun provinsi.

Bagi unjuran kos keseluruhan yang telah dapat diselamatkan apabila jerebu teruk retas sempadan ini berjaya dielakkan, perkara ini masih diperincikan dan sebenarnya akan dibincangkan di peringkat ASEAN oleh pihak kerajaan dengan mengambil input daripada pelbagai sektor dan agensi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Timbalan Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya, apakah ramalan kementerian berhubung kebarangkalian kejadian jerebu rentas sepadan tahun ini? Apakah inisiatif-inisiatif baru yang akan diambil mulai sekarang untuk memastikan ia diminimumkan bahkan dielakkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator . Ada dua perkara, pertamanya, dengan izin, *plan of action* sebagaimana yang dipersetujui antara negara-negara ASEAN seperti yang saya senarai panjangkan tadi dipatuhi, dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing. Maknanya setiap negeri komited untuk melaksanakan apa-apa tindakan yang boleh mengawal daripada jerebu berlaku dan ditupu oleh angin.

Kedua, di peringkat tempatan sendiri, mestilah kita sentiasa juga melakukan tindakan-tindakan yang sejajar dengan persetujuan bersama tadi. Ertinya tidak membenarkan langsung jerebu berlaku dan

ini semua terkandung di dalam garis panduan yang telah pun disediakan dan di peringkat kementerian telah mula memasang atau sistem pengawasan kualiti udara IPU 2.5 berbanding dengan IPU 10 tempoh hari, sebelum ini. Jadi itu adalah di antara tindakan yang sangat agresif yang telah dilaksanakan oleh kementerian, jadi ini adalah antara inisiatif baru yang kerajaan sediakan untuk kita terus mengawal kualiti udara khususnya jerebu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram

8. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, statistik kes yang masih dalam proses perbicaraan di mahkamah yang melibatkan pembayaran gaji minimum kepada pekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan, untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan sentiasa memastikan bahawa dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini supaya para pekerja mendapat manfaat daripada dasar ini. Bagi memastikan majikan-majikan membayar gaji minimum sebagaimana yang ditetapkan pihak Jabatan Tenaga Kerja menjalankan pemeriksaan berkanun kepada premis-premis majikan di seluruh negara.

Bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 388 kes telah diberi izin dakwa untuk di bawa ke peringkat perbicaraan. Daripada jumlah ini 215 kes pendakwaan telah selesai dibicarkan dengan denda yang telah dikenakan oleh mahkamah kepada majikan-majikan terbabit berjumlah RM681,300.

■1140

Ini bermakna 55.4 peratus kes telah diselesaikan. Kes selebihnya sebanyak 173 kes masih dalam tindakan mahkamah. Tuan Yang di-Pertua di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732], majikan-majikan yang gagal membayar gaji minimum boleh dikenakan hukuman seperti berikut.

Bagi kesalahan pertama, hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap orang pekerja. Mahkamah juga boleh perintahkan majikan untuk membayar perbezaan gaji pokok termasuk sebarang tunggakan gaji pokok dan bayaran-bayaran lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah bagi kesalahan berterusan, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000.00 sehari. Bagi kesalahan berulang, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM20,000.00 atau hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan bagi kesalahan-kesalahan yang tidak dinyatakan dalam akta, majikan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00. Kesimpulannya dalam hal ini, kementerian menyeru kepada para pekerja yang tidak dibayar gaji minimum agar tampil ke pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran di seluruh negara untuk membuat aduan, supaya tindakan lanjut dapat diambil oleh pihak Jabatan Tenaga Kerja kepada kes-kes mereka dan untuk memberikan pembelaan kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahan. Sila.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih. Penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan kadar gaji minimum mengikut lokasi, contohnya seperti kota raya, bandar ataupun luar bandar. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara ini kerajaan hanya menetapkan dua kadar gaji minimum iaitu di Semenanjung sekarang pada RM1,000.00 dan di negeri Sabah, negeri Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan, RM920.00. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita mempunyai Majlis Perundingan Gaji Negara yang menentukan kadar-kadar ini dan kadar-kadar ini ditentukan bukanlah berdasarkan kepada lokasi-lokasi tertentu, tetapi beberapa kriteria diambil kira untuk menentukan kadar gaji minimum ini.

Bagi kita, bagi saya sebagai kerajaan, sebagai kementerian sudah tentulah kita hendakkan pekerja-pekerja mendapat gaji yang cukup istimewa, lebih tinggi lebih baik untuk mereka. Oleh sebab itulah kita ada Jawatankuasa Teknikal gaji minimum ini yang terdiri daripada berbagai-bagai agensi, pihak-pihak berkepentingan termasuklah majikan, pekerja dan juga melibatkan *World Bank* dan ILO yang merupakan penasihat kepada jawatankuasa kita bagi menentukan supaya setiap gaji minimum yang ditetapkan ini tidak memberikan beban kepada mana-mana pihak termasuklah majikan dan sebagainya.

Jadi saya kira, penelitian dan kesepakatan mesti kita peroleh antara majikan dan pekerja dan juga kerajaan dengan nasihat yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu bagi kita menentukan supaya gaji minimum ini bukan sahaja boleh menggalakkan kepada pekerja tempatan mendapat mencari pekerjaan di tempat di negara kita tetapi dalam masa yang sama kita tidaklah membebankan kepada majikan-majikan buat ketika ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: [Bangun]

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Rabiyah binti Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai soalan tambahan saya.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Rabiyah binti Ali: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah kementerian menangani dan membantu pengusaha-pengusaha TASKA yang tidak mampu untuk mematuhi ketetapan pembayaran gaji minimum dan apakah langkah yang boleh diambil kerajaan bagi membantu pengusaha TASKA yang bermasalah mematuhi ketetapan gaji minimum. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Apabila kita menaikkan gaji minimum daripada dahulunya RM900, RM820 di negeri Sabah dan negeri Sarawak manakala RM1,000 dan RM920 di negeri Sabah, Negeri Sarawak dan juga Wilayah. Kita mendapat juga aduan ataupun harapan daripada kesatuan-kesatuan termasuklah TASKA dan sebagainya

kerana mereka berhadapan dengan beban tanggungjawab pembiayaan kepada perniagaan yang mereka lakukan.

Oleh sebab itulah kita mengadakan perundingan dengan kesatuan-kesatuan TASKA ini dan juga pra sekolah yang memohon untuk kita memberikan pertimbangan kepada mereka. Perbincangan telah pun diadakan dengan pihak TASKA dan perkara ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Teknikal Majlis Perundingan Gaji Negara.

Majikan boleh melaksanakan gaji mengikut jam, hari untuk pekerja TASKA sebagai pilihan. Maknanya mereka boleh melihat balik dan kita bersedia untuk berbincang dari masa ke semasa, supaya kenaikan gaji minimum ini tidak memberikan kesan, beban yang berat kepada majikan-majikan yang tertentu. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, kita berasa bangga kerana banyak ataupun ramai, sebahagian besar majikan-majikan telah pun membayar gaji minimum yang lebih, lebih daripada gaji minimum RM1,000 di Semenanjung dan juga RM920 di negeri Sabah, negeri Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan ini. *Insya-Allah* kita harap, kita berikan sokongan kepada kerajaan bagi meningkatkan ekonomi negara dan secara langsung kita boleh membantu supaya peningkatan gaji minimum dapat diberikan kepada mereka yang- pekerja-pekerja kita yang bersesuaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta kita *last-lah ya?*

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi peluang Yang Berhormat Chandra.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih. Ini jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan cases. Jikalau kita tengok cases adalah sebanyak 385 dan dari ini, 251 telah didakwa. Soalan saya macam ini, kalau tidak salah 385 ini semuanya datang dari pengaduan pekerja.

Fokus saya ialah selain daripada pengaduan, kalau kita tengok dahulu Jabatan Buruh pernah melakukan *statutory check* dan yang saya tahu setakat bulan Jun *statutory check* yang dijalankan hanya lebih kurang 150,000 majikan. So soalan saya, pertama, sama ada *you* akan mempertingkatkan lagi *statutory check*, fasal banyak mungkin dia orang tidak tahu prosedur hendak *complain* atau takut prosedur hendak *complain* atau sudah balik ke kampung mungkin dia tidak mahu balik kepada *nearest labor office*. Itu satu.

Kedua, kalau tidak salah majlis sedang mula kaunselor yang mengkaji semula kadar ini. Saya faham isu *difficulty* untuk menentukan atau untuk *please* semua ini. Cadangan saya supaya majlis itu menimbang- untuk faktor *in cost of living* iaitu *that means* secara automatik purata tiga bulan. Kalau *cost of living* naik tidak payah tunggu untuk *review* walaupun dia buat melalui *wages order* tetapi *facted in* secara automatik. Naik sahaja gaji pun akan naik, tetapi bulan setiap bulanlah. *Because* dari segi *practical difficulty*

itu. Macam pakai CPI punya kadar, sekarang pun mahkamah untuk perjanjian bersama *collective agreement*, mahkamah sudah pakai dua per tiga CPI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang cukup aktif tentang kepentingan pekerja. Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh Januari 2014 hingga 31 Disember 2017, pihak Jabatan Tenaga Kerja telah membuat sebanyak 154,501 pemeriksaan berkanun. Maknanya kita tidak akan biar, kerana betul apa Yang Berhormat sebutkan tadi, kadang-kadang pekerja ini dia lupa, dia tidak faham tentang apa hak mereka dan sebagainya. Kita sendiri ke hadapan, kita pergi ke firma-firma kita pergi ke majikan-majikan untuk kita buat pemeriksaan, apakah mereka telah melaksanakan gaji minimum ini.

Daripada jumlah ini, didapati sebanyak 19 peratus majikan telah mematuhi perintah gaji minimum yang dikuatkuasakan. Ini satu Yang Berhormat, bermakna kita tidak berdiam kerana kita faham tidak semua pekerja kita memahami akta yang ada ini dan sebab itulah kita cuba mencari jalan bagaimana kesatuan sekerja ini kita memberikan kefahaman tentang akta-akta yang dilaksanakan. Lebih kurang 25 akta di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya mereka dapat tahu tanggungjawab mereka, kesedaran mereka, kepentingan mereka yang harus mereka perjuangkan, bukan semata-mata oleh kerajaan dan sebagainya.

■1150

Kedua, ialah cadangan Yang Berhormat supaya kalau boleh gaji minimum ini- kalau peningkatan ekonomi meningkat, dengan sendiri gaji minimum meningkat. Bagaimana pula kalau ekonomi menurun? Apakah kita hendak turunkan balik gaji minima? Ini satu keadaan yang mungkin sukar.

Namun demikian, sebab itulah kita serahkan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara dan Jabatan Teknikal. Kita ada pakar-pakar kita daripada *World Bank* dan ILO ini yang mempunyai pengalaman yang cukup luas di seluruh negara. Ini supaya pelaksanaan kita tidak akan menjelaskan bukan sahaja kepada pekerja dan majikan bahkan akan menjelaskan masa depan negara kita.

Kita juga ada membuat pemeriksaan berkanun JTK, terima kasih Yang Berhormat akan terus melaksanakan lebih banyak lagi pemeriksaan berkanun ini kepada majikan-majikan. Kita mahu pekerja-pekerja yang ada masalah ini, kita tunggu, sila datang ke kementerian kami, Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Silakan.

9. Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim minta Perdana Menteri menyatakan, apa status rayuan bantuan mangsa banjir yang tercicir tahun lepas yang nama-nama mereka telah pun dihantar kepada pihak Kementerian pada November 2017.

11.51 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang cukup baik Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menerima senarai seramai 273 orang individu yang didakwa sebagai mangsa banjir yang belum menerima bantuan wang ihsan melalui surat Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim pada tarikh 16 Oktober 2017.

Untuk makluman, berdasarkan prosedur pengurusan bantuan wang ihsan yang diguna pakai, senarai nama yang dikemukakan kepada NADMA mesti mendapat pengesahan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah, setelah diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai ketua pusat perpindahan dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebagai sekretariat Jawatankuasa Bencana Peringkat Negeri dan juga Daerah.

Bagi memastikan pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah mengambil tanggungjawab terhadap senarai yang telah dikemukakan oleh mereka yang benar-benar menjadi mangsa semasa bencana dan layak bagi mengelakkan daripada isu-isu seperti pertindihan nama, ketua isi rumah dan juga status warganegara. Memandangkan nama yang diterima oleh NADMA serta borang-borang pendaftaran mangsa banjir JKM, maka NADMA telah mengembalikan senarai tersebut kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan melalui surat bertarikh 31 Oktober 2017, untuk tujuan dibuat semakan seterusnya memuktamadkan senarai nama dan mendapatkan pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah sebelum dikemukakan semula kepada NADMA untuk proses pemberian wang ihsan kepada mangsa yang layak.

Jadi, kita berharap Yang Berhormat supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menghantar senarai itu dengan cepat. Kalau dia hantar hari ini, lusa kita boleh buat pembayaran. Kalau dia hantar esok, jadi, kita bagi tempoh sehari sahaja untuk memastikan supaya mereka yang layak itu mendapat wang ihsan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Soalan tambahan. Terima kasih, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang menjawab begitu kemas. Cuma, saya tengok sini wujud kerentak birokrasi, kena ada kelulusan DO lah, kena ada kelulusan JKM, sedangkan kita sudah ada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Saya rasa bila- kita tidak mahu ada kerentak birokrasi yang boleh menjadikan kemarahan rakyat. Lebih-lebih lagi bila dekat dengan pilihan raya.

Saya mintalah, kalau boleh, yang tercicir ini kita ada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), biar agensi ini yang mengesahkan. Oleh sebab, yang tercicir hanyalah Tuan Yang di-Pertua- musim banjir pun, saya mahu APM ini memainkan peranan yang penting. Oleh sebab APM ini *direct* bawah NADMA. Jadi, kalau mahu pakai Kerajaan Negeri- sebab itulah wujudnya ada yang rumah atas bukit, dapat. Rumah yang tenggelam tidak dapat. Jadi saya mahu, kita sudah ada agensi, Kerajaan Pusat, duit pun duduk di Kerajaan Pusat, bukan duduk di Kerajaan Negeri.

Jadi saya rasa, APM kena *double check* ataupun dia yang mengambil alih untuk daftar. DO buat juga, JKM pun buat juga tetapi APM pun buat juga. Supaya benda ini kalau ada yang tercicir, ada di APM. Sebab dia, APM memang besar. Jadi, saya minta kita gunakan agensi kita. Kerajaan Negeri itu kerajaan guna juga, tetapi gunakan agensi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Jadi saya mahu, minta persetujuan Yang Berhormat Menteri supaya kurangkan kerentah birokrasi ini. Hendak dapatkan kelulusan DO lah, hendak dapat JKM lah. Orang kampung ini tahu sendirilah, soal duit ini sensitif. Jadi, saya minta APM lah memainkan peranan penting dalam perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang bertambah baik ya. Supaya menjadi panduan di masa akan datang. Pertamanya Yang Berhormat, ini kita buat in mengikut arahan MKN 20. Kita tidak boleh lari daripada itu. Kecuali selepas ini, dalam minggu ini juga NADMA akan cuba keluarkan satu arahan baru, sama ada menggunakan arahan MKN ataupun arahan NADMA, kita akan keluarkan supaya benda yang kita anggap birokrasi itu dapat diselesaikan. Sebenarnya, semua proses ini boleh dibuat dalam masa tiga hari, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali, Jabatan Kebajikan Masyarakat ambil nama ini dan pergi dapatkan pengesahan daripada Pegawai Daerah. Pegawai Daerah pun tidak perlu berpanjangan, oleh sebab dia boleh sahkan pada hari itu juga. Seminggu kemudian, kita akan hantar kepada peringkat negeri, dan negeri akan hantar kepada kita dan kita akan buatkan pembayaran dalam masa tiga hari boleh selesai.

Yang menjadi masalah sekarang ini, disimpan dengan begitu lama oleh mana-mana pihak, dengan itu bila ianya berpanjangan sehingga hari ini ya. Akan tetapi, untuk Kelantan ini, sebab saya melihat suasana yang berlaku di sana, sesetengah tempat kita tidak ada kakitangan JKM. Kalau kita adapun, mungkin pegawai sementara kerana banjir yang berlaku serentak waktu itu. Jadi, tempat ini sesetengahnya dikendalikan bersama oleh JKM dan juga APM. Tidak ada masalah. Mana-mana tempat yang dikendalikan oleh JKM pun, kita boleh rujuk kepada APM, dan APM kena dapatkan kelulusan pengesahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.

Ini tidak ada masalah sebab kalau JKM ataupun APM telah sahkan pendaftaran itu, jadi yang lain-lain itu ialah peraturan sahaja. Sebagai prosedur untuk kita semak supaya tidak berlaku pertindihan. Jadi, sesetengah tempat, APM semua yang kendalikan. Oleh sebab tidak ada JKM- JKM hanya berikan bantuan. Jadi, yang ini mereka yang akan uruskan supaya nama ini disahkan di peringkat daerah dan sebagainya.

Dalam kes Yang Berhormat Senator tadi, saya telah rujuk kepada APM Kelantan supaya mengambil senarai itu untuk disahkan di peringkat daerah dan seterusnya dihantar kepada kita. Tidak ada masalah. Biar kita yang tolong uruskan. Kita hendak mempermudah, kita tidak mahu menyusahkan. Jadi Yang Berhormat, kita harap tidak timbul gundah gulana di Rantau Panjang dan saya harap Yang Berhormat dengan pertolongan yang kita berikan selama ini, kita harap Rantau Panjang akan menang semula kepada Barisan Nasional.

Datuk Haji Abdullah Bin Mat Yasim: Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bila boleh bayar yang tercicir ini? Kalau boleh sebelum pilihan raya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalau disahkan oleh puak-puak itu, kami boleh bayar. NADMA ini tidak ada masalah. Mereka kena hantar pengesahan itu. Saya tahu Yang Berhormat sebut nama pada tempat itu dia ada seorang pegawai kebajikan sementara. Akan tetapi, ada dekat 20 orang pegawai APM di situ. Jadi, saya minta APM di situ dapatkan senarai tersebut untuk kita proses. Oleh sebab, prinsipnya ialah dia mesti berpindah- kalau dia berpindah, dia tidak dapat, *confirm* dia dapat. Kalau tetapi kalau dia tidak berpindah, itu masalah.

Oleh sebab kita kena pastikan supaya mereka yang berpindah itu- yang tidak berpindah itu kita kena pertimbangkan di atas aspek-aspek yang lain. Di Sekolah Bukit Tinggi, kita sudah bayar Yang Berhormat. Kalau ada yang tidak terbayar, Yang Berhormat kena beritahu. Di Sekolah Rantau Panjang, kita sudah bayar, kalau tidak terbayar Yang Berhormat kena beritahu sebab mereka yang berpindah itu saya- oleh sebab saya berada di situ dua hari sebelum banjir. Saya tunggu banjir datang.

Masa itu Yang Berhormat Senator ada di Kuala Lumpur tetapi saya uruskan dengan baik di Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan terang dan jelas. Saya minta pula YBM. Engku Naimah binti Engku Taib

10. YBM. Engku Naimah binti Engku Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan, setakat manakah cadangan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) telah dimasukkan dalam Kod Etika Ibu Bapa/Penjaga supaya permuafakatan guru serta ibu bapa lebih positif.

■1200

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengalu-alukan pandangan dan penglibatan daripada semua pihak demi mencapai hasrat KPM untuk menyediakan dan melaksanakan sistem pendidikan yang berkualiti kepada murid. KPM mengambil maklum akan cadangan daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) berhubung dengan Kod Etika Ibu Bapa/Penjaga supaya permuafakatan guru dan ibu bapa lebih positif. KPM akan meneliti lebih lanjut cadangan tersebut setelah menerima daripada pihak NUTP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan terus melaksanakan program dan inisiatif yang telah digariskan menerusi Anjakan Ke-9 iaitu kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Peranan Kumpulan Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPIBKK) telah dipertingkatkan bagi tujuan meningkatkan kesedaran, kerjasama, keterlibatan serta permuafakatan antara pihak sekolah, ibu bapa, pemimpin masyarakat, pemimpin politik, serta pemimpin pendidikan bagi memastikan isu berkaitan pendidikan dapat ditangani bersama-sama.

KPM juga menyediakan buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan guru. Surat pekeliling ikhtisas serta surat siaran juga dikeluarkan oleh KPM sebagai langkah membantu pihak Pengetua dan Guru Besar serta guru dalam menjalankan prosedur berkaitan disiplin. Kepatuhan kepada arahan daripada panduan tersebut dapat melindungi guru dalam melaksanakan hukuman tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Soalan tambahan saya. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia yang sentiasa prihatin kepada hubungan baik dan harmoni di antara ibu bapa dan guru bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran murid-murid sentiasa lancar dan berkesan kerana hakikatnya hubungan ibu bapa dan guru adalah ibarat aur dengan tebing iaitu saling berkait- *interrelated*, dan saling menyumbang- *complementary*. Bagaimanapun, tidak dinafikan sejak akhir-akhir ini masalah disiplin dalam kalangan pelajar boleh mengeruhkan hubungan di antara kedua-dua belah pihak sekiranya tidak dibendung dan ia akan menjadi parah dan akan menjaskan reputasi sekolah dan ibu bapa atau penjaga.

Dalam masa yang sama, tidak dinafikan ibu bapa berhak tahu perihal anak-anak mereka di sekolah supaya masing-masing tidak bertindak melulu sekiranya anak mereka dihukum. Ada tiga soalan yang saya hendak tanyakan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dua, saya rasa telah pun dijawab kerana ia berhubungan. Apakah jaminan pihak kementerian bagi memperkasakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi melindungi keselamatan guru yang diserang oleh ibu bapa atau penjaga?

Kedua, setakat manakah Kod Etika Ibu Bapa/Penjaga memberi kesan positif kepada pengurangan kadar pergeseran atau tidak kesefahaman konflik di antara ibu bapa dan guru? Apakah kesan positif kepada pelajar-pelajar kesan daripada Kod Etika Ibu Bapa/Penjaga seterusnya meningkatkan prestasi murid-murid dalam pelajaran serta lain-lain aktiviti dan kegiatan sekolah? Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita Kementerian Pendidikan Malaysia belum lagi menerima kod etika yang dicadangkan oleh NUTP. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan pendirian yang terbuka. Kita bersedia untuk berbincang dan meneliti cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh NUTP berkaitan dengan kod etika untuk ibu bapa. Seperti mana yang pernah kita jawab dalam Dewan yang mulia ini, kementerian mempunyai SOP ataupun pekeliling yang lengkap untuk kita melaksanakan cara tatacara kita yang melaksanakan tindakan terhadap kes-kes disiplin.

Pada pandangan saya Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa juu pekeliling dan kod etika yang mungkin kita laksanakan, dia tidak dapat 100 peratus menyelesaikan masalah hubungan

antara sekolah dengan ibu bapa sekiranya kesedaran dan pandangan ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka di sekolah itu tidak berubah.

Kita ambil contoh dalam zaman-zaman dahulu 70-an, 80-an dan 90-an. Di mana apabila seseorang murid itu dihukum dia dibawa isu itu balik kepada ibu bapa mereka, ibu bapa mereka akan melakukan hukuman terhadap anak-anak mereka. Sebab mereka mengikut apa yang telah dilaksanakan oleh guru. Mereka menghormati guru. Akan tetapi, pada zaman hari ini bila pendidikan semakin meningkat ibu bapanya doktor, ibu bapanya jurutera, ibu bapanya profesional.

Jadi, sekiranya kita mengambil tindakan contohnya hukuman rotan terhadap anak-anak mereka dan mereka balik mengadu kepada ibu bapa dan tanya ibu bapa dengan kumpulan ahli keluarga mereka hendak memukul guru pula. Sehingga ada guru yang disaman dalam mahkamah. Perkara ini telah berlaku sejak kebelakangan ini.

Jadi, saya meminta kita ada jawatankuasa permuafakatan di peringkat sekolah, penglibatan daripada PIBG. Kita ada Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) iaitu seorang anggota polis di kawasan tersebut. Dengan itu semua, kita berharap bahawa ibu bapa boleh datang ke sekolah berbincang membuat permuafakatan. Sekiranya, ada kesilapan pun yang dilakukan oleh guru kita bermuafakat, berbincang bagaimana hendak menyelesaikan. Jangan kita mengheret perkara-perkara seperti itu ke dalam mahkamah. Dia akan menjatuhkan moral dan semangat guru-guru kita di seluruh negara.

Sekiranya kes seperti itu berlaku, kita akan mendapat satu kesan yang sangat besar kalau guru-guru kita tidak lagi mengambil apa-apa tindakan terhadap anak-anak kita. "Belajarlah engkau kalau hendak belajar". "Kalau tidak mahu belajar, itu hal engkau". Kalau sampai tahap begitu gagal pendidikan kita. Jadi, saya mohon ibu bapa di luar situ memberikan sokongan kepada pihak sekolah. Bukan mudah untuk seorang guru menjaga anak 30 orang hingga 40 orang dalam kelas. Pendidikan itu janganlah kita biarkan 100 peratus sebagai tanggungjawab pihak sekolah. Pihak ibu bapa dan keluarga juga mempunyai tanggungjawab yang besar kerana anak kita bersama dengan kita jauh lebih banyak masanya berbanding mereka berada di sekolah. Jadi, apa pun SOP, apa pun kod etika pada pandangan saya yang penting adalah kesedaran ibu bapa terhadap penghormatan kita kepada pendidik di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah menjawab dengan jelas dan terang. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya hendak beralih kepada- tamat sudah kita punya sesi soal jawab. Kita, Setiausaha sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2017) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[29 Mac 2018]**

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab.

12.18 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Washolatuwassalamuala Rasulillah.* Salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan juga teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat berbagai-bagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan dan ada di kalangan Ahli Yang Berhormat memberi pandangan yang bernes dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara.

Saya akan cuba menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan sahaja. Manakala, perkara-perkara yang dibangkitkan, disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak berkaitan dengan peruntukan tambahan ini kita mengambil maklum dan akan memanjangkan kepada kementerian-kementerian berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Ringkasan soalan yang dibangkitkan oleh 15 Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat antaranya adalah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Sentor Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai; Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin; Yang Berhormat Senator Dr. Zaiiedi Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; dan, ke-15 Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

■1210

Jadi, untuk makluman Dewan sebanyak 32 perkara telah dibangkitkan. Apa yang kita anggap sebagai perkara yang berkaitan dengan bajet tambahan berjumlah lapan, manakala yang tidak berkait berjumlah 24.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, kenapakah isu-isu yang boleh diramal tidak dimasukkan dalam bajet tahunan?

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan bajet tahunan disediakan berdasarkan keperluan dan juga komitmen yang dikemukakan oleh kementerian ataupun Jabatan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak dapat menyediakan sepenuhnya semua keperluan jabatan atau agensi kementerian kerana agihan peruntukan juga tertakluk kepada anggaran kedudukan kewangan atau hasil kerajaan pada tahun bajet dibentangkan. Sebarang keperluan yang tidak mencukupi akan ditampung sekiranya terdapat pertambahan hasil pada tahun semasa.

Kedua, Yang Berhormat juga telah bertanya, memohon penjelasan ke atas peruntukan RM2.7 bilion pindahan hasil digunakan untuk tujuan apa.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM2.7 bilion merupakan jumlah lebih daripada akaun hasil yang disatukan yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan di caj sebagai perbelanjaan di bawah B.12 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Jumlah ini bukanlah satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017. Pemindahan ini dapat mengurangkan kos pinjaman ke atas perbelanjaan pembangunan yang ditanggung oleh kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit berkaitan SPR yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Yang Berhormat mohon supaya SPR memberikan penjelasan mengenai perbezaan undi awal dan undi pos.

Untuk makluman Yang Berhormat, undi awal diberikan kepada anggota polis, polis PGA dan pasangan dan tentera dan pasangan sebagaimana peruntukan di bawah Peraturan 27A, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981. Ia dilaksanakan tidak kurang daripada tujuh hari selepas hari penamaan calon dan tidak kurang daripada tiga hari daripada hari pengundian. Manakala kemudahan undi pos diberikan pula kepada beberapa mereka yang terlibat iaitu kategori:

- (i) Pengerusi;
- (ii) Timbalan Pengerusi;
- (iii) ahli dan pegawai SPR;
- (iv) petugas pilihan raya;
- (v) polis dan tentera yang tidak dapat hadir pada hari pengundian awal; dan
- (vi) pengamal media yang membuat liputan pilihan raya pada hari pengundian; dan
- (vii) jabatan dan agensi kerajaan yang diluluskan oleh SPR iaitu:

- (a) Jabatan Penjara Malaysia;
- (b) Angkatan Pertahanan Awam;
- (c) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (d) Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (e) Jabatan Imigresen;
- (f) Agensi Pengurusan Bencana Negara;
- (g) Jabatan Kesihatan;
- (h) Sukarelawan Simpanan Polis; serta
- (i) Jabatan Pendaftaran Negara di UTC.

Semua mereka di bawah kategori ini perlu permohonan untuk mengundi secara pos. Proses pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos akan disaksikan oleh ejen undi pos yang dilantik oleh setiap wakil parti calon yang bertanding. Kertas undi akan dihantar melalui pos kepada pengundi berdasarkan kepada alamat yang dinyatakan oleh pemohon pada borang permohonan undi pos. Sekiranya tiada permohonan, maka mereka perlu keluar mengundi pada hari pengundian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit berkaitan dengan SPRM atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah ingin mengetahui tentang pengukuhan aktiviti siasatan SPRM. Seterusnya, apakah komitmen kerajaan dalam menangani aktiviti rasuah?

Untuk makluman Yang Berhormat, komitmen kerajaan untuk mengukuhkan tindakan penguatkuasaan, pendidikan pencegahan rasuah. SPRM melaksanakan pelbagai strategi yang menyeluruh, terkini dan berimpak tinggi ke arah mengukuhkan impak penguatkuasaan, pendidikan dan pencegahan rasuah.

Antaranya bidang penguatkuasaan, komitmen siasatan secara adil, telus dan juga profesional tanpa membezakan mana-mana pihak berdasarkan kepada latar belakang fahaman atau kedudukan. Pendekatan siasatan melalui kaedah *team base investigation*, seterusnya cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 bagi memperkasakan kerangka perundungan pencegahan rasuah khusus bagi mengadakan peruntukan baru bagi kesalah oleh organisasi komersial yang bertujuan menangani amalan rasuah di sektor korporat.

Hal-hal berkaitan pencegahan, kerjasama strategik pencegahan rasuah antara SPRM dan organisasi, agensi forensik serta luar negara, pelaksanaan khidmat nasihat, pematuhan komitmen antarabangsa terhadap inisiatif pencegahan rasuah, contohnya UNCAC. Seterusnya, hal-hal yang berkaitan dengan mewujudkan Unit Pemantauan Khas di SPRM, penempatan pegawai di Unit Integriti Tadbir Urus di syarikat berkepentingan kerajaan ataupun GLC seluruh negara, kementerian dan juga peringkat persekutuan dan negeri.

Pendidikan, mewujudkan komitmen anti rasuah di kalangan organisasi dan ahli masyarakat melalui ikrar bebas rasuah, peluasan medium mekanisme, penyebaran maklumat, membangunkan kapasiti dan

capability pegawai-pegawai, membangunkan kepakaran bidang pencegahan rasuah melalui bidang pengajian akademik yang khusus dalam bidang ini. Contohnya, di beberapa universiti dan juga institusi akademik, pelaksanaan kursus dan petaulahan bagi program latihan, pengukuhan sinergi kerjasama dengan sektor swasta dan seterusnya meluaskan capaian pencegahan rasuah supaya dapat menembusi pelbagai golongan dan segmen masyarakat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun ingin tahu perkara berkaitan dengan RM685 juta subsidi padi, baja dan juga pengeluaran padi. Apakah dengan penambahan bajet bagi subsidi baja, baja padi akan meningkatkan pengeluaran padi dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras eksport? Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan status pengeluaran jelapang padi di Pahang pada tahun 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat, subsidi yang diberikan oleh pesawah hanyalah merangkumi sekitar 60 peratus daripada jumlah kos pengeluaran padi. Kemudian kita ketika ini dapat menghasilkan sekitar 72 peratus beras ataupun padi tempatan. Manakala selebihnya diimport tetapi import ini pun sebenarnya adalah di atas permintaan beras yang *special* kualiti ataupun premium kualiti.

Kemudian kerajaan ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara. Kita sedar bahawa dalam baja-baja subsidi yang diberikan terlibat termasuklah di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) untuk mengurangkan kos pengeluaran padi iaitu baja asas atau baja sebatian dan juga baja urea, masing-masing pada kadar 12 beg per hektar ataupun dalam begnya 20 kilo, satu beg. Manakala empat beg pula satu hektar bagi 20 kilogram beg untuk baja sebatian. Faedah penerima, lebih kurang 175 ribu menerima hasil ataupun subsidi baja ini. Kemudian, melibatkan peruntukan sebanyak RM666 juta di mana peruntukan tambahan melibatkan sebanyak RM340 juta.

Selain daripada itu, dia ada juga Program SIPP atau Skim Insentif Pengeluaran Padi di mana kita berikan baja-baja tambahan, baja NPK tambahan, racun kawalan makhluk perosak, kapur dan juga upah pembajakan. Ini juga melibatkan 175 ribu petani dan melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM196 juta. Bagi skim subsidi baja dan racun, padi huma, padi bukit melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM24 juta. Manakala Skim Subsidi Harga Padi melibatkan peruntukan tambahan sebanyak RM124 juta.

■1220

Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kita sedar bahawa hasil padi ini bukan semata-mata bergantung kepada baja itu semata-mata tapi faktor-faktor lain juga diambil kira seperti tanah, penggunaan automasi dan mekanisasi, penggunaan benih padi sah dan sebagainyalah. Jadi saya kira sedikit sebanyak baja ini kita perlu kaji dan tengok untuk mengoptimumkan lagi penggunaannya.

Seterusnya, status pengeluaran padi di negeri Pahang, di IADA, Pekan; 27,000 metrik tan setahun manakala IADA, Rompin sebanyak 35,040 tan. Jadi jumlah untuk pengeluaran padi di Pahang sebanyak 62,040 tan untuk tahun 2017. Bagi jawab soalan kepada Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff daripada

Perlis, beliau ingin tahu perkara-perkara yang berkaitan dengan benih padi. Mohon kerajaan untuk meneliti dan memastikan bahawa benih padi yang diedarkan adalah berkualiti dan bebas daripada penyakit. Jabatan Pertanian selaku agensi pengesah benih padi bertanggungjawab memastikan setiap pengeluaran benih padi sah yang dikeluarkan mematuhi standard yang ditetapkan.

Pematuhan pada standard berdasarkan kepada MS4692012 ataupun piawaian Malaysia berdasarkan standard benih padi perlu melalui pemeriksaan pelbagai peringkat kemudian perlu kepada penyimpanan dan juga wajib lulus ujian makmal melibatkan ketulenan fizikal, kelembapan, percambahan dan sebagainya. Hasil benih padi sah saja yang boleh diedarkan dan diberikan subsidi oleh kerajaan.

Kita sedar bahawa pelbagai jenis padi ini merupakan satu aktiviti tanaman yang cukup sensitif, pelbagai *variable* yang ada. Antaranya perkara-perkara yang boleh kita kawal contohnya, tentang bagaimana kita nak jaga rumpai, kita nak jaga penyakit kemudian perkara-perkara yang kita tidak boleh kawal contohnya cuaca, suhu, kelembapan dan sebagainya. Namun, kita akan memastikan bahawa benih-benih padi sah sahaja akan diedarkan kepada petani dan untuk makluman Dewan yang mulia ini untuk tahun 2017 dan selanjutnya kita telah membekalkan, kita meluluskan kuota sebanyak 72,000 metrik tan untuk kegunaan para petani seluruh negara bagi sepanjang tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berkaitan sedikit dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kita telah menerima juga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali iaitu berkaitan dengan Skim Penstabilan Minyak Masak ataupun *Cooking Oil Stabilization Scheme*, dengan izin. Soalannya, berapakah jumlah pemberong atau pengilang semasa subsidi.

Jumlah pengilang kilang tapis minyak masa ini adalah 21, *pre packers*- pembungkus minyak masak, sebanyak 271, subsidi yang dikeluarkan berjumlah RM720 juta. Jadi kita sedar bahawa pelbagai kaedah dan cara kerajaan buat untuk memastikan kita dapat kawal dan mengelak ketirisan antaranya KPDKKK melalui penguatkuasaan mereka menjalankan pemeriksaan, pemantauan secara berkala bagi mengawal ketirisan dan memastikan bekalan minyak masak mencukupi. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud kekurangan, siasatan segera akan dibuat untuk mengetahui punca kekurangan dan seterusnya langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan bekalan akan jadi seperti biasa. Sekiranya tidak mencukupi maka KPDKKK akan mengarahkan pembungkus ataupun *packers* ini akan menghantar kepada tempat-tempat yang menerima aduan.

Yang Berhormat seterusnya, berkaitan dengan kementerian, sudah habis Yang Berhormat. Selesai sudah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah habis menggulung perkara-perkara berkaitan lapan perkara yang ada kaitan dengan bajet tambahan pada kali ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Wira. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ya, sudah dengar itu tadi daripada pelajaran dan seterusnya. Apa yang saya dengar tadi hanya sedikit masalah tentang pelajaran tadi. Bawa kes-kes pendidikan ke mahkamah. Saya minta- saya pun bekas pendidik adalah tolak ansur. Ingat apa kata orang tua tadi iaitu dia kata, tiap-tiap langkah ada petua, baik gadis ataupun pemuda, iaitu hendaklah kita tadi hormati yang tua dan kita kasih yang muda. Hormatilah.

Jika kita hormati yang tua, guru kita itu dan kita kasih banyak. Maka tidak berlakulah sampai ke mahkamah rasanya, itu rosak. Itu yang saya minta. Jadi kita selesai saja tadi kita punya kewangan.

Jam saya tunjukkan pukul 12 lebih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 3 April 2018.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, satu isu *Standing Order*. Saya nak rujuk kepada *Standing Order* 11, di mana waktu ditetapkan kecuali ada *motion*. Itu pendirian saya. Kena ada *motion*. Saya bukan cakap tidak boleh tangguh kecuali melalui *motion*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik terima kasih, dan kita tangguh esok pagi pukul 10. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 12.28 tengah hari]